



# فلیتا بروندی

## PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.35 | SUBUH 4.45 | SYURUK 6.07 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.39 | MAGHRIB 6.27 | ISYAK 7.40

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 57

12 MEI 2025 / 1446 ذوالقعدة 14

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

## MEMBENTUK KELUARGA BAHAGIA, SAKINAH, MAWADDAH, WARAHMAH

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyertai Malam Munajat Kali Ke-182.



**Siaran Akbar dan Foto:**  
Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 Mei. - Dalam kehidupan berumah tangga, perlu ada sikap keterbukaan dalam berkomunikasi antara pasangan suami dan isteri agar salah seorang daripadanya menjadi pendengar yang memahami.

Dalam kehidupan berumah tangga juga, setiap permasalahan perlu diselesaikan dengan baik, bercakap antara kedua belah pihak untuk memperjelaskan masalah, dan pentingnya meminta pertolongan dan berserang kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Demikianlah antara perkara yang ditekankan melalui tazkirah yang

disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Ketua Unit Da'wah Daerah Belait, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa, bertepatan dengan Sambutan Hari Keluarga

Kebangsaan bertemakan: 'Keluargaku, Harapanku' yang menginspirasikan pembentukan keluarga bahagia, sakinhah, mawaddah, warahmah.

>> Muka 4

## Jururawat, bidan ejen kepada daya tahan ekonomi, pembangunan negara

**Siaran Akbar :**  
Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 12 Mei. - Setiap tahun, Hari Jururawat Antarabangsa atau International Nurses Day (IND) disambut pada 12 Mei dan Hari Bidan Antarabangsa atau International Day of Midwife (IDM) disambut pada 5 Mei.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), Hari Jururawat Antarabangsa dan Hari Bidan Antarabangsa berkenaan digabungkan dan diraikan serentak pada setiap 12 Mei dan ia dinamakan sebagai Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa atau International Nursing and Midwifery Day (INMD).

Tema Sambutan IND pada tahun ini disediakan oleh International Council of Nurses (ICN), iaitu 'Jururawat Kami. Masa Depan Kita. Menjaga Jururawat Mengukuhkan Ekonomi' (Our Nurses. Our Future. Caring for Nurses Strengthens Economies).

>> Muka 5

## Teroka bidang latihan, pembangunan kompetensi berkaitan AI

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 Mei. - Warga penjawat awam merupakan pemimpin dan pemangkin perubahan yang akan menentukan hala tuju Perkhidmatan Awam negara kita dan secara langsung menyumbang kepada memelihara kesejahteraan rakyat dan penduduk amnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang

Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof menjelaskan, ini mustahak kerana dunia hari ini terus bergerak pantas dengan cabaran-cabaran yang dibawanya menjadi semakin kompleks.

Menurut Yang Berhormat, malah ketidaktentuan dan perubahan pesat ini turut menuntut kepimpinan (*leadership*) untuk lebih responsif, inovatif dan berintegriti.

>> Muka 3

## Pelantikan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 11 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah

mengurniakan titah perkenan bagi Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, untuk dinaikkan pangkat dan seterusnya dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU.

Tarikh kenaikan pangkat dan pelantikan pegawai berkenaan berkuatkuasa mulai hari Isnin, 14 Zulkaedah 1446 bersamaan 12 Mei 2025.

MANISNYA IMAN

Dari 'Aisyah Radhiallahuanha bahwa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya: "Orang yang paling sempurna iman di antara orang-orang yang beriman ialah orang yang paling baik budi pekertinya dan paling lembut kata-katanya kepada isterinya."

(Riwayat Imam At-Tirmidzi)



## Berita Utama



BANTUAN kewangan ringankan beban mangsa bencana

Muka 7



3 pegawai haji berlepas ke Arab Saudi

Muka 9



IBTE Kampus Bisnes anjur Hobby and Games Fest 2025

Muka 18



RENCANA

JURURAWAT, bidan beri faedah besar seluruh dunia

Muka 21



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersabda pada Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Menteri-menteri ASEAN yang Bertanggungjawab Ke Atas Penerangan Ke-17 (17th Conference of The ASEAN Ministers Responsible for Information - AMRI) bertempat di Indera Samudra, The Empire Brunei, pada Rabu, 7 Mei 2025.

Terjemahan asal dari teks Bahasa Inggeris oleh Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei.

# Sumbangan sektor maklumat ASEAN tingkat literasi serantau dihargai

Assalamu'alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem  
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Wadden,  
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala  
Asyarahil Mursaleen,  
Sayyidina Muhammaddin,  
Wa'alaa Aalihee Wasabihee  
Ajma'een, Waba'du.

**A**JDALAH satu penghormatan untuk sama-sama meraikan Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Menteri-menteri ASEAN yang Bertanggungjawab Ke Atas Penerangan Ke-17 (17th Conference of The ASEAN Ministers Responsible for Information - AMRI) yang bertemakan 'Media Advancing Joint Understanding' (MAJU).

Dalam masa yang sama, saya ingin merakamkan ucapan selamat datang kepada para tetamu luar negara, ASEAN Ministers Responsible for Information, the ASEAN Senior Officials Responsible for Information, ASEAN Plus Three Dialogue Partners serta para delegasi masing-masing. Saya juga mengalu-alukan kehadiran Duta-duta Besar daripada 10 Negara Anggota ASEAN, serta dari Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea, dan Republik Demokratik Timor-Leste serta Timbalan Setiausaha Agung bagi ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC) serta para pegawai kanan kerajaan yang hadir pada hari ini.

Adalah menjadi satu penghormatan bagi

Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat AMRI pada tahun ini, dan saya berharap agar segala perbincangan diadakan akan membawa hasil yang bermakna serta kemajuan yang ketara, selaras dengan visi strategik dan arahan yang telah digariskan oleh para pemimpin.

Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) ditubuhkan pada tahun 1967 merupakan suatu detik yang amat bersejarah bagi rantau ini dan telah menjadi pemangkin kepada usaha memperkuatkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan keselamatan dalam kalangan negara-negara anggotanya. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan sokongan penuh terhadap Malaysia selaku Pengurus ASEAN pada tahun ini dengan bertemakan 'Inclusivity and Sustainability' yang mencerminkan komitmen kukuh ASEAN dalam memperkasakan ketahanan dan kemakmuran serantau, di samping mempertingkatkan kerjasama serantau dalam menangani cabaran global yang berterusan serta tekanan dari luar.

Saya menantikan penerimaan ASEAN Community Vision 2045 yang dijangka akan diluluskan semasa 46th ASEAN Summit yang akan datang. Visi ini akan menjadi pelan hala tuju bagi ASEAN dalam tempoh dua dekad akan datang, dengan tujuan memperkuatkan ketahanan serta keupayaan menyesuaikan ASEAN dalam landskap global yang sentiasa berkembang, sambil menangani trend baharu yang membawa peluang dan cabaran. Bagi memastikan kejayaan visi ini, ia mesti disampaikan secara

berkesan kepada masyarakat dengan cara yang dekat dengan kehidupan sehari-hari mereka, dengan itu, visi ini dapat dihayati dan diterjemahkan daripada sekadar kerangka dasar kepada satu aspirasi bersama yang dikongsi oleh semua lapisan masyarakat.

Dalam hal ini, AMRI memainkan peranan yang penting. Sejak penubuhannya pada tahun 1989, AMRI telah secara konsisten menyokong visi ASEAN, bukan sahaja dengan menyumbang kepada keamanan dan kestabilan serantau tetapi juga dengan memajukan kepada usaha integrasi ASEAN. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada sektor maklumat ASEAN atas sumbangannya dalam meningkatkan literasi di seluruh rantau ini. Ketika kita terus melangkah ke era digital, dengan beberapa negara anggota menjadi peneraju dalam inovasi, kadar literasi yang tinggi adalah amat penting. Ia memberi keupayaan kepada rakyat untuk menyusuri dan memanfaatkan ruang digital dengan berkesan.

Jabatan Perdana Menteri sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif bertujuan untuk memperluaskan capaian audiens dan memudahkan peralihan ke platform digital. Saya gembira untuk memaklumkan bahawa NBD adalah merupakan Negara Anggota ASEAN yang pertama menamatkan Analogue Switch Off pada 31 Disember 2017, menandakan satu pencapaian penting dalam peralihan kita ke era penyiaran digital sepenuhnya.




>> Muka 6

## WAKTU SEMBAHYANG

MEI MASIHI	HARI	ZULKAEADAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
12	ISNIN	14	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
13	SELASA	15	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
14	RABU	16	4.35	4.45	6.06	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
15	KHAMIS	17	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
16	JUMAAT	18	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
17	SABTU	19	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
18	AHAD	20	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN Bandar Seri Begawan	SELASA	RABU
 31 25 °C	 32 25 °C	 32 26 °C
 31 25 °C	 32 25 °C	 31 26 °C
 31 26 °C	 31 25 °C	 32 26 °C
 31 26 °C	 32 25 °C	 32 26 °C

Wallahualam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

12 MEI 2025

### Tepati janji, jauhi sifat munafik

**J**ANJI adalah komitmen atau ungkapan seseorang untuk melakukan sesuatu di masa depan, baik kepada Allah Subhanahu Wata'ala maupun sesama manusia. Islam memandang janji sebagai sesuatu yang serius dan harus ditepati, kerana ia mencerminkan kejujuran, tanggungjawab, dan integriti seseorang.

Janji juga adalah satu amanah yang wajib ditunaikan asalkan ia bukan perkara maksiat. Apabila bercakap mengenai janji, ia sesuatu yang tidak boleh diambil ringan dan remeh kerana apabila seseorang itu sambil lewa akan janji-janjinya terutama sekali tidak menepati janji, perbuatan itu dibenci dan dimurka Allah Subhanahu Wata'ala.

Menepati janji adalah tanda keimanan dan akhlak mulia, sedangkan mengingkari janji termasuk sifat orang munafik. Oleh kerana itu, umat Islam dianjurkan untuk berhati-hati dalam berjanji dan wajib menepatinya jika sudah diucapkan.

Dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini menekankan mengenai kewajipan menepati janji yang mana ia adalah lambang kepercayaan dan kebersihan hati seseorang dan perlu diingat janji itu ringan dan mudah diucapkan tetapi berat untuk ditunaikan.

Khatib dalam Khutbah Jumaat juga mengingatkan, orang-orang yang beriman tidak akan cuai dan tidak akan sesekali mengkhianati janjiannya sekalipun berbeza agama ataupun bangsa. Ini kerana orang yang mengkhianati janji itu bererti dia tidak amanah, malah tergolong ke dalam golongan munafik.

Daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Tanda-tanda orang munafik itu tiga perkara: apabila berkata dia berbohong, apabila berjanji dia memungkiri dan apabila diberi amanah dia mengkhianati." (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Dalam konteks sosial masyarakat, menepati janji menciptakan kepercayaan antara individu, keluarga, dan secara amnya masyarakat. Kepercayaan adalah asas kepada keamanan dan keharmonian masyarakat.

Apabila seseorang itu mengingkari janjiannya, ia boleh menimbulkan ketegangan, pertelingkahan dan permusuhan. Menepati janji mengelakkan hal ini dan mengekalkan keharmonian sosial.

Oleh sebab itulah perihal janji ini sangat mustahak dan diambil berat dalam Islam kerana ia boleh bersangkut paut dengan orang lain dan berhati-hatilah ketika mengungkapkan janji kerana kita perlu tahu akan kemampuan kita dan perlu muhasabah diri sedalam-dalamnya sebelum berjanji.

Amalan menepati janji membawa banyak kebaikan dalam kehidupan. Oleh itu, marilah kita sama-sama memupuk nilai ini dalam diri agar menjadi insan yang lebih dipercayai, dihormati dan disayangi oleh semua. - Ketua Penyuntingan (Kr)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان چیتقو اوله قرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa berucap pada majlis tersebut.

>> Muka 1

"Ia juga perlu digandingi dengan keupayaan dalam membuat jangkaan masa hadapan berdasarkan analisis trend semasa, memahami pelbagai kemungkinan masa depan dan merancang strategi yang boleh mengadaptasi kepada pelbagai senario," ujar Yang Berhormat pada Majlis Penyampaian Sijil Bagi Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai - pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kali Ke-31, Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai - pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kali Ke-35 dan Program Eksekutif Muda (YEP) Kohort-9 yang berlangsung di



Dewan Bankuet, JPM, di sini. Menyentuh tentang keupayaan dalam membuat jangkaan masa hadapan ini, Yang Berhormat melihat kepentingan dan impaknya daripada beberapa sudut iaitu pertama, ia mendorong kepada penggubalan dasar yang berdaya tahan yang juga merupakan tunjang utama dalam pentadbiran semasa.

Yang Berhormat menjelaskan, dengan mengambil kira kemungkinan perubahan dalam landskap sosial, ekonomi dan teknologi untuk tempoh jangka panjang akan dapat mengelakkan risiko membangunkan dasar yang akan ketinggalan zaman sebelum sempat dilaksanakan sepenuhnya.

Kedua, jelas Yang Berhormat, menerusi jangkaan masa depan yang pragmatik, akan dapat membantu dalam penggunaan sumber secara optimum dan mengelakkan pembaziran daripada pelaksanaan projek-projek yang tidak mampan atau tidak relevan.

Ketiga, tambah Yang Berhormat, kemampuan untuk mengenal pasti risiko-risiko baharu yang mungkin timbul akan membantu Perkhidmatan Awam untuk lebih bersedia dalam menghadapi krisis dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat menjelaskan,

ini perlu terutamanya dalam memastikan kesinambungan perkhidmatan - perkhidmatan teras menerusi kebolehupayaan dalam merancang kerahan tenaga kerja dengan lebih teratur.

"Dan akhir sekali, menerusi kefahaman mengenai jangkaan aliran masa depan akan mendorong Perkhidmatan Awam untuk lebih proaktif dalam meneroka dan melaksanakan inovasi, iaitu bukannya bersifat pasif dan bertindak secara reaktif," ujar Yang Berhormat.

Berdasarkan kepada perkara-perkara tersebut kata Yang Berhormat lagi, mengingatkan kita betapa kepimpinan masa kini bukanlah sahaja tertumpu kepada penyelesaian masalah semasa, malah merangkumi keupayaan untuk melihat jauh ke hadapan pada memastikan kelangsungan pelaksanaan keutamaan keutamaan negara selaras masa depan yang kita aspirasikan bersama.

"Di sinilah juga perlunya bagi Perkhidmatan Awam itu bersifat adaptif terhadap perubahan yang berlaku dalam landskap sektor awam yang kian mencabar.

Ini termasuklah keterbukaan kepada pendekatan pengurusan moden lebih-lebih lagi dalam memanfaatkan sepenuhnya potensi teknologi digital masa ini yang sering diperkatakan misalnya Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI) yang berupaya mentransformasi penyampaian perkhidmatan dengan lebih pantas, efisien dan responsif," ujar Yang Berhormat.

Ke arah ini, Yang Berhormat menyarankan agar pihak Jabatan Perkhidmatan Awam bersama Institut Perkhidmatan Awam untuk terus meneroka dan

ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan yang berlangsung di Dewan Bankuet, JPM.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Azmah Haji Ahad

memperluaskan bidang-bidang latihan dan pembangunan kompetensi berkaitan AI ini bagi warga Perkhidmatan Awam.

Tambah Yang Berhormat, inisiatif ini perlu merangkumi program-program komprehensif yang meliputi pemahaman asas, kemahiran teknikal dan aplikasi praktikal teknologi AI dalam konteks pentadbiran kerajaan.

Sesungguhnya pembangunan kompetensi tenaga kerja yang berteraskan inovasi ini jelas Yang Berhormat lagi, adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-31 Tahun 2024.

"Dalam hubungan ini, marilah kita sama-sama berganding bahu untuk memastikan Perkhidmatan Awam kekal relevan, efisien dan responsif kepada keperluan rakyat dan negara. Kita juga harus peka bahawa kualiti perkhidmatan yang kita berikan hari ini, akan mempengaruhi serta mencorak masa depan negara kita," ujar Yang Berhormat.

Terdahulu Yang Berhormat menjelaskan, pada tahun-tahun terdahulu, program-program di bawah Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) ini akan sentiasa diteliti dan diberi nilai tambah agar para peserta akan sentiasa didekahkan kepada pelbagai modul kepimpinan yang komprehensif, merangkumi pengurusan strategik, pembangunan dasar awam, transformasi digital dan kepimpinan berintegriti.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, ia juga dihasratkan bukan sekadar sebuah platform perkongsian ilmu dan pengalaman, malah sebagai wadah dalam membina jaringan

profesional dari kalangan pemimpin sektor awam yang sememangnya merupakan tulang belakang kepada transformasi Perkhidmatan Awam negara ini.

Justeru itu, tambah Yang Berhormat, setiap peserta adalah diharapkan untuk memanfaatkan sepenuhnya ilmu pengetahuan dan pengalaman baharu yang diperoleh dan seterusnya menjadikannya sebagai sandaran dalam memperkenalkan sebarang pembaharuan dan perubahan yang bermakna di organisasi masing-masing.

Menyentuh mengenai keberkesanannya Perkhidmatan Awam jelas Yang Berhormat lagi, penubuhan Jawatankuasa Transformasi Perkhidmatan Awam (JTPA) merupakan langkah strategik dalam menerajui pembaharuan sektor awam secara menyeluruh, sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 dan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke-21.

"JTPA berperanan dalam merangka dasar, strategi dan inisiatif transformasi melalui pendekatan Whole of Government and Whole of Nation, dengan penekanan kepada tadbir urus digital, dasar pro bisnes serta penyelarasan rentas sektor termasuk penglibatan sektor swasta dan NGO," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, kejayaan pelaksanaan transformasi ini menuntut komitmen dan kepimpinan setiap penjawat awam sama ada di peringkat penggubalan mahupun pelaksana.

Sebagai pemimpin, tambah Yang Berhormat, para peserta kursus ini diharap dapat memainkan peranan penting dalam transformasi ini, dengan mengenal pasti ruang penambahbaikan dan menjadi agen perubahan yang membawa nilai dan impak nyata kepada organisasi dan negara.

## PENTING SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

### IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja


### DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.



Sila sahkan bahwa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



# PESERTA PROGRAM PEMBANGUNAN EKSEKUTIF DIRAIKAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Bagi Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Kali Ke-31 (EDPSGO-31), EDPMMO Kali Ke-35 serta YEP Kohort-9.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Sabtu, 10 Mei. - Seramai 25 peserta Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO-31); 27 peserta Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO-35) dan 25 peserta Program Eksekutif Muda (YEP-9) hari ini menerima sijil masing-masing pada Majlis Penyampaian Sijil Bagi EDPSGO Kali Ke-31, EDPMMO Kali Ke-35 serta YEP Kohort-9.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil kepada para peserta ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang berlangsung di Dewan Bankuet, JPM, di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang diketuai oleh Pengetua Sekolah-sekolah Arab, Jabatan Pengajaran Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama,

Awang Haji Norhisyam bin Haji Mohd. Noor yang merupakan salah seorang peserta EDPSGO-31.

Sementara itu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Norfarizal bin Othman dalam kata alu-aluan menjelaskan, EDPSGO, Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan dan Pegawai-pegawai Eksekutif Muda adalah merupakan program kepimpinan yang diamanahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Institut Perkhidmatan Awam (IPA) bagi menggilap potensi kepimpinan pegawai - pegawai dalam Perkhidmatan Awam.

Menurutnya, Civil Service

Leadership Pipeline (CSLP) mula diperkenalkan pada tahun 2016 di mana sehingga kini jumlah pegawai Perkhidmatan Awam yang tersenarai dalam CSLP adalah seramai 1,043 orang iaitu peningkatan sebanyak lebih 50 peratus berbanding jumlah pada dua tahun pertama ia ditubuhkan.

Pada masa ini jelasnya, nisbah (*ratio*) jumlah pegawai CSLP kepada jumlah keseluruhan pegawai Bahagian I dan II dalam Perkhidmatan Awam adalah sebanyak 1:12 dan lebih membanggakan lagi peratus pegawai-pegawai yang mencapai keputusan Gred A dan B dalam program-program perdana CSLP secara konsisten sejak ia diwujudkan adalah melebihi KPI PPB jabatan iaitu 88 peratus.

"Pada tahun 2024, sebanyak 91 peratus telah mencapai keputusan Gred A dan B iaitu melebihi KPI PPB jabatan iaitu 88 peratus," ujarnya.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga menyampaikan ucapan.

Sejurus itu, klip video turut ditayangkan memaparkan aktiviti-aktiviti semasa program-program pembangunan eksekutif tersebut berlangsung.

Antara yang turut hadir pada majlis itu ialah Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri di JPM, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pemangku Pesuruhjaya Polis Pasukan Polis Diraja Brunei, Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan yang

berkenaan.

Program - program Pembangunan Eksekutif ini merupakan program *flagship* CSLP di bawah Rangka Kerja Perkhidmatan Awam yang diwujudkan bagi mendukung hasrat Wawasan Brunei 2035 melalui Strategi Pembangunan Institusi (Institutional Development Strategy).

Tujuan CSLP adalah untuk menyediakan Leadership Pool daripada kalangan pegawai-pegawai Bahagian II ke atas bagi membantu Perancangan Strategik Sumber Manusia dalam Perkhidmatan Awam.

Modul - modul program tersebut diselaraskan dengan kompetensi - kompetensi kepimpinan yang telah dikenal pasti melalui Model CSLP berdasarkan amalan-amalan terbaik dalam pembangunan kepimpinan.

Kesemua program *flagship* CSLP bagi tahun 2024 telah dikendalikan oleh IPA.

Bagi pengendalian EDPSGO-31, pihak IPA juga bekerjasama dengan Lee Kuan Yew School of Public Policy, National University of Singapore dan Chandler Institute of Governance (CIG), Singapore.

Kandungan program-program tersebut antara lainnya memuatkan pengajian isu dan dasar semasa serta amalan terbaik dalam pengurusan dan pentadbiran Perkhidmatan Awam yang diperlakukan secara global.

Selain itu, para peserta juga diberikan pendedahan secara praktikal melalui penempatan kerja, projek kemasyarakatan, lawatan sambil belajar dan sesi dialog bersama Menteri.

## Membentuk keluarga bahagia, sakinah, mawaddah, warahmah

Siaran Akhbar dan Foto: Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Acara munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-182 pada malam tadi dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah oleh Pengurus Badan Sukarelawan Belia Da'ie, PDI, KHEU, Awang Mohammad Najiihuddin bin Nooralizam, dari Mushalla Al-Ameen, PDI.

Menyertai Malam Munajat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut menyemarakkan acara

munajat kali ini ialah ahli-ahli Badan Sukarelawan Belia Da'ie dan Belia Muallaf Syahadah; Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait serta dari beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara. Juga, warga kerja KHEU bersama keluarga serta individu yang turut hadir secara maya dari kediaman masing-masing.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk dipimpin oleh Penolong Ketua Media Belia Muallaf Syahadah, Awang Muhammad Saiful Dafi bin Muhammad Suhaimi @ Suandy bin Suhaimi, dari Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh belia di bawah naungan Urus Setia Program

Keugamaan Belia, Awang Abdul Mu'iz bin Haji Jahair, dari Mushalla Al-Ameen, PDI.

Seurus selesai tazkirah, diteruskan dengan bacaan Selawat Tafriyyah beramai-ramai dipimpin oleh Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pengiran Mohammad Rafiuddin bin Pengiran Haji Badaruddin dari Mushalla Al-Ameen, PDI.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid (SkPPA), Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Muhammad Nazhimi Mustaqim bin Zaini, dari Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan

جامعة سكولاري في البروناي  
NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL  
BRUNEI DARUSSALAM

Hari itu dia ikut tanpa memakai tali pinggang keledar, tidak menyedari itu kali terakhir.

Lelaki, 6 tahun

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya

@ mkkjrbrunei

www.mkkjr.gov.bn

dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh

rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap hari Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.

# Jururawat, bidan ejen kepada daya tahan ekonomi, pembangunan negara

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

Perkara berkenaan dikongsikan dalam perutusan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, sempena INMD 2025.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, tema berkenaan dipilih bagi menekankan tentang peranan penting yang dimainkan oleh tenaga kerja kejururawatan yang sihat dalam mengukuhkan ekonomi, meningkatkan sistem kesihatan dan memastikan hasil yang lebih baik untuk komuniti di seluruh dunia.

Manakala tambah Yang Berhormat lagi, tema IDM pada tahun ini adalah Bidan : Kritikal Dalam Setiap Krisis (Midwives : Critical in Every Crisis).

"Bidang kejururawatan dan perbidanan adalah tulang belakang kepada penjagaan kesihatan dan adalah satu profesion yang sangat mulia yang perlu kita lindungi, hormati dan hargai.

Peredaran modenisasi yang serba canggih pada masa ini memerlukan semua jururawat dan bidan untuk menjadi lebih dinamik, berkembang maju bermula daripada penjagaan asas sehingga mengeksplorasi ke peringkat yang lebih tinggi, lebih teknikal dan inovatif.

Secara global, tenaga kerja kejururawatan berada di tengah-tengah krisis, iaitu

kekurangan kakitangan kronik, keadaan kerja yang tidak selamat, dan gaji yang tidak mencukupi yang menjadi penyebab kemelut seperti keletihan, kerosotan kualiti kerja, dan penghijrahan profesional ke persekitaran kerja yang lebih selesa," kata Yang Berhormat.

Fenomena berkenaan ujar Yang Berhormat lagi, memberi implikasi yang sangat mendalam kepada sistem kesihatan awam, ekonomi, dan masa depan penjagaan kesihatan.

Oleh yang demikian tegas Yang Berhormat, sempena IND ini, penggubal dasar perlulah mengambil langkah yang tegas untuk membina dan mengoptimumkan tenaga kerja kejururawatan yang berkekalan, kuat dan mampan.

Dalam konteks NBD, Yang Berhormat juga mengongsikan beberapa perkara penting telah dan sedang dipertingkatkan, termasuklah menjaga kesejahteraan jururawat dan bidan, iaitu mengutamakan kesejahteraan jururawat memberikan kesan kepada peningkatan kualiti penjagaan, peningkatan pengekalan tenaga kerja, dan mengukuhkan prestasi ekonomi.

Jururawat jelas Yang Berhormat lagi, adalah tulang belakang kepada sistem penjagaan kesihatan terutama sekali dalam penjagaan kesihatan asas, kesihatan ibu dan anak, dan pengurusan penyakit kronik.

**JURURAWAT** adalah tulang belakang kepada sistem penjagaan kesihatan terutama sekali dalam penjagaan kesihatan asas, kesihatan ibu dan anak, dan pengurusan penyakit kronik.

Kementerian Kesihatan kata Yang Berhormat, akan terus menjaga dan melabur di dalam tenaga kerja kejururawatan, melalui gaji yang berpatutan, sokongan kesihatan mental, dan pembangunan profesional yang berterusan bagi memastikan sistem penjagaan kesihatan di NBD kekal berdaya tahan dan responsif, dan seterusnya dapat melindungi kesejahteraan dan kestabilan negara.

Yang Berhormat selanjutnya mengongsikan dalam memberi peluang pembangunan tenaga kerja, Kementerian Kesihatan juga komited dalam pengukuhan profesi kejururawatan dan perbidanan dengan menyokong jururawat - jururawat dan bidan-bidan untuk mengikuti latihan atau kursus di dalam dan luar negeri, membuat penyelidikan dan melibatkan diri dalam apa juar aktiviti-aktiviti pembangunan yang ada.

Hal ini tambah Yang Berhormat lagi, bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan diri masing-masing malahan dapat meningkatkan hasil penjagaan kesihatan di negara ini selain menyediakan persekitaran yang positif dan selamat, iaitu



persekitaran tempat kerja yang selamat, menyokong dan positif

pembangunan negara dan kemajuan sosial.

"Dalam masa yang sama, saya juga menyeru kepada semua jururawat dan bidan di negara ini untuk sentiasa bersabar, memberikan layanan yang sempurna dan mengekalkan dedikasi yang tinggi dalam menjalankan tugas sehari-hari.

Kementerian Kesihatan percaya

jururawat dan bidan yang bertanggungjawab serta prihatin mampu menjadikan sistem kesihatan di negara ini mampan dan berkualiti tinggi yang seterusnya dapat memacu kepada perkembangan ekonomi dan masyarakat, sesuai dengan tema sambutan 'Our Nurses. Our Future. The Economic Power of Care' dan 'Midwives : Critical in Every Crisis,' ujar Yang Berhormat

mengakhiri perutusannya.

## BERSAMA MENDUKUNG PERANAN, DEDIKASI JURURAWAT, BIDAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengerusi Lembaga Eksekutif Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dan selaku tetamu kehormat semasa sesi bergambar ramai pada Majlis Doa Kesukuran sempena Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa (INMD) 2025.

komuniti utama (terbuka kepada kakitangan JPMC dan orang ramai), diikuti dengan sesi berbasikal, 'Spin for Hope'.

Inisiatif kecergasan ini mempunyai dua tujuan untuk mempromosikan kesejahteraan di samping mengumpul dana untuk Program 'R'iayah Wa Mahabah' (RWMP) di bawah Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Tahun ini juga sempena memperingati Persidangan INMD 2025 yang menyediakan peluang pembangunan profesional, serta acara penghargaan khas untuk mengiktiraf sumbangan kakitangan kepada penjagaan pesakit.

Melangkaui perayaan, inisiatif JPMC menangani ketidaksamaan pendidikan melalui penyediaan bekalan sekolah, pakaian seragam dan bantuan tuisyen untuk pelajar yang kurang bernasib baik, ditambah pula dengan kempen kesedaran awam tentang halangan kepada akses pendidikan.

Siaran Akbar dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park

**JERUDONG**, Sabtu, 10 Mei. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) kelmarin mengadakan Majlis Doa Kesukuran sempena Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa (INMD) 2025, menandakan permulaan inisiatif dan amalan kesihatan selama sebulan untuk meraikan dedikasi jururawat dan bidan sambil menyokong komuniti yang berlangsung di Surau JPMC, di sini.

Pelancaran itu dirasmikan oleh tetamu kehormat, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Penggerusi Lembaga Eksekutif JPMC.

Atur cara dimulakan dengan Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesukuran yang diketuai oleh Awang Haji Ishkandar bin Haji Buntar, diikuti dengan sumbangan kebajikan kepada anak yatim dan

individu berkeperluan khas.

Tahun ini, tema Hari Jururawat Antarabangsa ialah 'Our Nurses, Our Future, Caring for Nurses Strengthens Economies'.

Menggambarkan tema tersebut, Pengarah Kejururawatan JPMC, Chung Yei Fui menekankan kepentingannya, "Hari ini, kami menghormati peranan penting jururawat dan bidan dalam penjagaan kesihatan moden. Sebagai asas penjagaan pesakit dan tulang belakang sistem penjagaan kesihatan, kepakaran

dan belas kasihan mereka melangkaui penyembuhan individu - mereka mengukuhkan dan meningkatkan seluruh komuniti, terutamanya mereka yang memerlukan."

Permulaan rohani mewujudkan asas yang bermakna untuk acara akan datang, mengukuhkan komitmen JPMC kepada pasukan penjagaan kesihatan dan tanggungjawab sosialnya.

Antara acara kemuncak sambutan tahun ini ialah 'Move for Hope', siri Zumba dengan acara

# Doa Selamat raikan bakal jemaah haji KSSUP

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**BERAKAS**, Sabtu, 10 Mei. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) petang tadi mengadakan Majlis Doa Selamat bagi bakal-bakal jemaah haji terdiri daripada warga kementerian berkenaan serta jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Bilik VIP, Bangunan KSSUP, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat.

Yang Berhormat seterusnya berkesudian menyampaikan cenderahati kepada seramai lima orang bakal jemaah haji.

Juga hadir, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

**YANG Berhormat Menteri Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan semasa menyampaikan cenderahati kepada salah seorang bakal jemaah haji.**



**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat di majlis berkenaan dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai bersama bakal-bakal jemaah haji yang diraikan.**

## PBSM NBD RAIKAN ULANG TAHUN PENUBUHAN KE-77



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa sesi bergambar ramai pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Penubuhan PBSM NBD Ke-77.**

**BERIBI**, Ahad, 11 Mei. - Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mengadakan Majlis Sambutan Ulang Tahun Penubuhan PBSM NBD Ke-77 yang berlangsung di Ruang Legar, Tingkat 1, Kompleks Annajat, Beribi, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Presiden PBSM NBD, Dayang Lailatul Zubaidah binti Haji Mohd. Hussain dalam ucapan

alu-aluannya antara lain mengongsikan sejarah penubuhan dan perkembangan PBSM NBD sepanjang tempoh 77 tahun.

Beliau seterusnya mengongsikan antara pencapaian yang telah dibanggakan ialah apabila PBSM NBD diperbadankan sebagai salah sebuah badan berkanun dalam perlembagaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1990 dan berperanan sebagai *auxiliary* kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam.

"Peranan utama yang menjadi tanggungjawab persatuan ini bukan sahaja untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan sukarela dalam pertolongan kecemasan serta memastikan keselamatan nyawa dan harta benda dalam keadaan perang, situasi bencana dan penularan wabak, malahan ketika waktu aman dan damai pun, kita berperanan membina kekuatan masyarakat dalam pelbagai bidang seperti kesihatan awam, kesihatan mental, siaga bencana dan

## HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Walau bagaimanapun, meskipun transformasi digital telah membuka peluang baharu, ia juga membawa kepada cabaran-cabaran baharu. Kepesatan kemajuan teknologi, terutamanya dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI) telah menambah lapisan kerumitan kepada persekitaran dalam talian. Oleh itu, adalah penting bagi sektor maklumat untuk berkembang seiring dengan landskap media yang sentiasa berkembang.

Memandangkan jejak digital ASEAN yang kukuh dan terus berkembang ini, saya amat teruja menyaksikan AMRI bekerjasama dengan sektor-sektor lain untuk menangani isu-isu ini secara proaktif. Pendekatan sektor ini adalah amat penting dalam memastikan bahawa rantaui kita bukan sahaja dapat mengikuti peralihan digital, namun juga dapat melindungi integriti, keterkumpulan dan keselamatan masa depan digital bersama. Saya percaya bahawa semua usaha ini hanya akan membawa kepada penambahbaikan dalam cara kita merancang strategi dan menyesuaikan diri dengan trend dan cabaran yang akan datang.

Sehubungan itu, saya ingin menegaskan semula komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kerjasama serta memberikan sumbangan yang bermakna dan signifikan bagi membuka jalan ke arah perpaduan yang dipertingkatkan dalam azam kolektif untuk menjadi berdaya tahan dan bersiap siaga mendepani cabaran pada masa hadapan. Untuk akhirnya, semoga mesyuarat ini produktif dan berjaya, serta awda gembira di negara kami.

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan ini merasmikan pembukaan Persidangan AMRI Ke-17.

**Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia**

**Sila muat turun**

**PenggunaBijak**



Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

memeduli masyarakat yang terkesan oleh pelbagai fenomena dan isu semasa.

"Pada hakikatnya, peranan kita adalah untuk menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada mereka yang memerlukan pada setiap masa.

"Semasa penularan wabak COVID-19 di negara ini, PBSM NBD telah memainkan peranan utama dalam menjadi sukarelawan barisan hadapan yang pertama sekali membantu Kementerian Kesihatan dan seterusnya berperanan menubuhkan kumpulan sukarelawan COVID-19 bersama pelbagai agensi kerajaan, swasta dan NGO lainnya," ujarnya lagi.

Tema Hari Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Sedunia pada tahun ini terang Dayang Lailatul Zubaidah lagi, mengangkat isu-isu kemanusiaan global yang semakin

membimbangkan warga dunia, dengan pencabulan terhadap hak asasi kemanusiaan yang semakin meruncing menjadi cabaran kepada undang - undang kemanusiaan antarabangsa.

Majlis seterusnya menyaksikan penyampaian Surat Cara Lantikan Jawatan dan Sijil Tauliah Pangkat kepada Ahli Lembaga Jemaah Tadbir Sesi 2024 hingga 2029, Surat Cara Lantikan Ahli Majlis Kebangsaan PBSM NBD Sesi 2025 hingga 2027, dan Sijil Akreditasi Agensi Latihan Pertolongan Cemas Bertauliah di bawah Akademi Bulan Sabit Merah NBD oleh tetamu kehormat majlis.

Acara kemudiannya diteruskan dengan penyampaian derma kepada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 hasil sumbangan dari PBSM NBD kepada tetamu kehormat majlis.

# Bantuan kewangan ringankan beban mangsa bencana



■ Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 Mei. - Seramai 14 orang ketua keluarga menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang berlangsung di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, disini.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyampaikan bantuan kewangan kepada para mangsa bencana (kiri dan kiri sekali).

Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian bencana tersebut dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Pemberian bantuan kewangan ini adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana demi kesejahteraan mereka sekeluarga.

Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

## LAWATAN TEROKAI PELUANG KERJASAMA UNISSA, BFI



■ Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BELAIT**, Sabtu, 10 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan lawatan ke Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI) di Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK), Daerah Belait, baru-baru ini.

Rombongan terdiri daripada Pegawai-pegawai Eksekutif UNISSA dan tenaga akademik Fakulti Pertanian dan Pusat Penyelidikan Halalan Tayyiban UNISSA yang diketuai oleh Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji

Norafan bin Haji Zainal.

Pada lawatan tersebut, rombongan diberikan taklimat mengenai latar belakang dan perkembangan BFI yang mula beroperasi pada tahun 2013 dan seterusnya dibawa meninjau kemudahan dan penghasilan bahan mentah yang dikeluarkan

oleh BFI.

Lawatan ini adalah bagi meneroka peluang kerjasama antara UNISSA dan BFI, selain perbincangan ilmiah antara kedua-dua pihak yang menumpukan kepada penyelidikan bersama berkaitan baja dan penggunaannya di sektor pertanian

**ROMBONGAN** Universiti Islam Sultan Sharif Ali bergambar ramai semasa mengadakan lawatan ke Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI) di Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK), Daerah Belait.

tempatan juga diadakan.

Pembangunan modal insan melalui program latihan industri UNISSA juga dibincangkan dalam kunjungan ini termasuk menyediakan latihan kemahiran baharu kepada pelajar-pelajar UNISSA melalui interaksi langsung dan pemindahan pengetahuan daripada pakar industri di bawah BFI.

Kunjungan ini membuka ruang UNISSA dan BFI mengatur langkah strategik untuk memanfaatkan kekuatan gabungan akademik dan industri dalam memacu inovasi, membangunkan tenaga kerja mahir dan mempelbagaikan ekonomi Brunei khususnya dalam sektor pertanian.

**PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

- Kelulusan Pendidikan Tinggi**  
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PhD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**  
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- Tamat Persekolahan**  
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



**PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN**

- Maklumat Peribadi**  
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- Maklumat Lesen Memandu**
- Kelulusan Pendidikan Tinggi**  
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
- Tamat Persekolahan**  
(Sijil berhenti Sekolah)



**PANDUAN PENGALAMAN KERJA**

- Pengalaman Kerja Kerajaan**  
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tanggi gaji / tangga gaji / nama jawatan yang becus
- Pengalaman Kerja Swasta**
- Pengalaman Kerja Beruniform**
- Pengalaman Bekerja Sendiri**
- Penempatan Kerja**
- Tidak Bekerja**



**PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL**

- Kelayakan Profesional**
- Peperiksaan Kesetiausahaan**
- Kemahiran Bahasa**
- Lain-Lain Kemahiran**



**PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS**

- Peperiksaan Kerajaan**
- Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)**
- Kursus Induksi Perkhidmatan Awam**
- Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)**
- Program Pembangunan Eksekutif**



BARU

# PLATFORM BERI PELUANG PEKERJAAN



**PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong semasa hadir pada majlis pelancaran Kafe 'Senja Kopi'. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penolong Pegawai Daerah Tutong selaku Pemangku Pengurus Lembaga Bandaran Tutong serta belia dan beliananis Daerah Tutong (atas dan atas kanan).**

**Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**TUTONG**, Sabtu, 10 Mei. - Kafe 'Senja Kopi', Sungai Tutong, ditubuhkan bukan sekadar menjadi tempat menikmati hidangan dan kopi tetapi juga sebagai platform untuk memberi peluang pekerjaan kepada belia setempat khususnya belia dan beliananis di Daerah Tutong.

Justeru itu, kafe berkenaan dilancarkan pada lewat petang ini yang disempurnakan oleh

Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri pada majlis yang berlangsung di Aras Atas Pasar Malam Tutong, di sini.

Menurut Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, selaku Ketua Kampung Sengkarai, konsep *open space* ini adalah bagi mencipta suasana santai dan terbuka.

Kafe tersebut dibuka dari jam 5.00 petang sehingga 11.30 malam dan orang ramai dialu-alukan datang dan membawa 'kerusi healing' sendiri.

Turut hadir, Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad selaku Pemangku Pengurus Lembaga Bandaran Tutong; pegawai dan kakitangan kerajaan, belia dan beliananis Daerah Tutong, pimpinan dan orang awam.



**Selamatkan Usus Awda.**

*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

کمترین کسیحت  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui  
lebih lanjut mengenai  
program pemeriksaan  
kanser kolorektal,  
sila jumpa\* Doktor  
awda hari ini atau  
lajari  
[www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

\*Sasaran pemeriksaan:  
Lebak atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



## Peluang sertai Kempen Derma Darah

TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Ahad 11 Mei 2025 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari	Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
Isnin 12 Mei 2025 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Tingkat Satu, Annajat Complex, Beribi
Selasa dan Rabu 13 dan 14 Mei 2025 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Function Room, Tingkat 2, The One Mall, Batu Satu
Sabtu 17 Mei 2025 9.00 pagi hingga 11.30 pagi 1.30 petang hingga 3.30 petang	Ruang Lobi, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Pengiran Babu Raja

**Siaran Akhbar dan Infografik: Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 Mei. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai bahawa bekalan darah di Pusat Pendermaan Darah dan Tabung-tabung Darah di seluruh negara masih di tahap yang rendah.

Penderma bagi semua kumpulan darah adalah diperlukan dengan segera bagi menampung keperluan pemindahan darah di keseluruhan hospital di negara ini.

Sehubungan ini, Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan Kempen Derma Darah. Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan stok darah di negara ini.

Kempen-kempen tersebut akan diadakan pada Ahad, 11 Mei 2025 bertempat di Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) bermula jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Sementara itu, pada Isnin, 12 Mei 2025 bertempat di Tingkat 1, Annajat Complex, Beribi bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Juga diadakan, pada Selasa, 13 Mei dan Rabu, 14 Mei 2025 di Function Room, Tingkat 2, The One Mall, Batu Satu bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang dan pada Sabtu, 17 Mei 2025 bertempat di Ruang Lobi, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Pengiran Babu Raja bermula 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan disambung semula 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital RIPAS untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula 8.00 hingga 11.30 pagi dan 1.30 hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

## 15 belia pelajari teknik seni latte



**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Temburong**

**TEMBURONG**, Sabtu, 10 Mei. - Seramai 15 belia hari ini mengikuti Program Dari Buah Ke Seni anjuran Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Temburong dengan kerjasama Poursha Cafe dan Belia Permata Hijau (BPH) yang berlangsung di Pusat Belia, Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad

Rosfazilah bin Haji Yusly.

Antara perisian program ialah sesi pembelajaran pengenalan kepada kopi dan seni *latte*, sesi praktikal teknik asas pengukusan susu dan teknik asas pembuatan seni *latte* yang betul yang dibimbing oleh tiga orang tenaga pengajar dari Poursha Cafe iaitu Pg. Md. Asri Yazzie Putra bin Pg. Yahya; Awang Md. Wa'e Syukri bin Haji Zainidi dan Awang

Mohammad Haikal Danish bin Abdullah Nurarifin.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan asas mengenai teknik asas *latte* kepada belia Daerah Temburong, dengan itu para belia dapat menggunakan kemahiran ini sebagai peluang mendapatkan pekerjaan atau untuk membuat perniagaan sendiri.

Program diakhiri dengan penyampaian sijil yang disampaikan oleh tetamu kehormat kepada para peserta, tenaga pengajar dan sukarelawan program.

# 3 PEGAWAI HAJI BERLEPAS KE ARAB SAUDI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 Mei. - Seramai tiga pegawai haji Syarikat Al-Hijrah and Tour Sdn. Bhd. berlepas ke Arab Saudi baru-baru ini untuk membuat persediaan awal bagi mengalau-alukan ketibaan jemaah haji di bawah Pakej Al-Hijrah and Tour.

Rombongan diketuai oleh Pengarah Eksekutif, Awang Haji Md. Yunos bin Haji Taha.

Bagi Musim Haji 1446 Hijrah / 2025 Masihi, daripada jumlah

1,000 kuota yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi, seramai 197 bakal jemaah mengikuti Pakej Al-Hijrah and Tour.

Mereka akan berlepas ke Tanah Suci dengan penerbangan kedua dan ketiga yang dijadualkan bertolak pada 16 dan 17 Mei 2025 bagi Pakej AQEEQ (Premium) dan Pakej Topaz (Ekonomi).

Bakal-bakal jemaah haji nanti, akan menginap di Hotel Anwar

Movenpick Madinah selama sembilan hari dan di Mekah, akan ditempatkan di Hotel Safawah Tower dan Anwar Deafah berdekatan dengan Masjidil Haram.

TIGA pegawai haji dari Syarikat Al-Hijrah and Tour Sdn. Bhd. yang diketuai oleh Pengarah Eksekutif syarikat tersebut semasa sesi bergambar sebelum berlepas ke Arab Saudi.



## BSP anjur Doa Selamat bagi bakal jemaah haji

Siaran Akhbar dan Foto :  
Syarikat Minyak Brunei Shell  
Sdn. Bhd.



PENGARAH Kewangan Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd. (BSP) selaku tetamu kehormat hadir memberi ucapan di majlis tersebut (kiri). Manakala gambar atas, antara yang hadir pada majlis berkenaan yang telah berlangsung di Ibu Pejabat BSP, Seria.

Ibu Pejabat BSP, Seria, baru-baru ini

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengarah Kewangan BSP, Awang Haji Mohammad Zulazrin bin Haji Awang Mohidin.

Majlis dimulakan dengan

ucapan, diikuti dengan Doa Selamat yang dipimpin oleh Kaunselor Agama dan Bimbungan dari Panaga Health, Haji Muhammad Najmuddin bin Haji Md. Said.

Dalam ucapannya, beliau

menyampaikan dengan mengenai keistimewaan luar biasa dalam menunaikan fardhu haji. Beliau juga menggalakkan jemaah agar menerima perjalanan ini dengan sepenuh hati, mengejar ganjaran rohani dan melakukan amalan

kebaikan di sepanjang perjalanan haji nanti.

Adapun tujuan diadakan majlis ini adalah untuk memberkati dan mendoakan keselamatan perjalanan jemaah haji bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

## Majlis Ramah Mesra Hari Raya Kampung Sungai Akar perkukuh silaturahim

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**SUNGAI AKAR,** Ahad, 11 Mei. - Meskipun Syawal sudah berlalu, namun sambutan Hari Raya Aidilfitri masih dapat dirasakan dengan adanya sambutan merayakan lebaran.

Sehubungan itu, Masjid

Rashidah Sa'adatul Bolkiyah (MRSB), Kampung Sungai Akar, hari ini mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Kampung Sungai Akar, bertempat di pekarangan masjid tersebut.

Antara yang hadir ialah Penaung



- Penaung Bersama MRSB, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, dan Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Majlis Khatam Al-Quran 1 Hari 1 Halaman (1H1T) MRSB, yang mana merupakan acara tahunan di masjid tersebut, dan tahun ini telah disertai oleh seramai

210 peserta.

Pada majlis tersebut, bacaan Surah Ad-Dhuha dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Perantis (SkPPA), Awang Md. Nur Adly bin Haji Harddy Hisyam, manakala bacaan Takhtim dikepalai oleh Ahli Jawatankuasa Takmir MRSB, Awang Haji Md. Faiezal bin Haji Zainal, yang juga bertanggungjawab bagi program tersebut.

SUASANA Majlis Ramah Mesra Hari Raya Kampung Sungai Akar, bertempat di pekarangan Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiyah (MRSB) (kiri dan kiri sekali).

Sementara itu, doa dibacakan oleh Imam MRSB, Awang Md. Farhanuddin bin Haji Hassan.

Majlis yang dianjurkan bersama Ahli Jawatankuasa Takmir MRSB dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Akar ini, antara lain bertujuan untuk mengeratkan silaturahim di antara warga masjid dan kampung, di samping memupuk semangat kemasyarakatan dalam kalangan komuniti.

Penganjuran acara seperti ini juga diharap dapat meningkatkan ukhuwah Islamiah, membudayakan bacaan Al-Quran secara berterusan serta memperkuatkan jalinan kerjasama antara institusi masjid dan penduduk kampung.

# TECHXPO 2025 KINI KEMBALI PAMERKAN TEKNOLOGI TERKINI



**BERIBI**, Sabtu, 10 Mei. - Ekspo Teknologi Brunei (TechXpo) 2025 kini kembali bagi edisi ke-7 yang akan mempamerkan teknologi terkini yang dihasilkan di dalam dan luar negara.

TechXpo 2025 akan berlangsung selama tiga hari bermula 14 hingga 16 Ogos 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dengan bertemakan 'Innovate Tomorrow'.

Sehubungan itu, Majlis Penandatanganan Perjanjian dan Sidang Media telah diadakan pagi tadi dengan kerjasama antara InfoCom Federation (IFB) dan

D'Sunlit Sendirian Berhad.

Majlis penandatanganan yang berlangsung di D'Sunlit disempurnakan oleh Pengurusi IFB, Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latiff dan Ketua Komunikasi Korporat D'Sunlit Sdn. Bhd., Ting Chui San.

TechXpo 2025 merupakan anjuran bersama oleh IFB, sebuah pertubuhan bukan berdasarkan keuntungan yang mewakili industri ICT Brunei Darussalam, bersama D'Sunlit Sdn. Bhd. selaku Pengurus Acara yang dilantik.

TechXpo secara konsisten berperanan sebagai platform

strategik yang menghimpunkan pihak berkepentingan tempatan dan antarabangsa daripada seluruh ekosistem teknologi - termasuk agensi kerajaan, pemimpin industri, institusi akademik dan orang awam untuk mempamerkan, bertukar pandangan serta bersama-sama mencipta penyelesaian inovatif.

Edisi akan datang ini akan kembali dengan semangat baharu dan visi yang lebih luas, sejarah dengan usaha NBD ke arah merealisasikan Wawasan Negara Pintar serta memperkuuh komitmennya terhadap ekonomi



MAJLIS penandatanganan disempurnakan oleh InfoCom Federation (IFB) dan Ketua Komunikasi Korporat D'Sunlit Sdn. Bhd. (atas). Manakala gambar kiri, sesi bergambar ramai bersama pihak-pihak yang terlibat.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

berasaskan pengetahuan dan daya tahan digital.

Selain itu, Forum Ketua Pegawai Eksekutif ICT BIMP-EAGA dan Mesyuarat Kluster ICT BIMP-EAGA akan turut diadakan bersempena dengan pameran utama. Ia merupakan perhimpunan berprestij yang menghimpunkan pegawai eksekutif kanan, pegawai kerajaan dan profesional ICT dari Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei - Indonesia - Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA).

Forum bertaraf tinggi ini bertujuan untuk memperkuuh kerjasama serantau dalam bidang teknologi digital, dengan

penekanan terhadap pertukaran ilmu merentas sempadan, penskalaan penyelesaian dan diplomasi inovasi.

Selaras dengan kemajuan NBD ke era transformasi digital yang baharu seiring aspirasi Negara Pintar, TechXpo 2025 mengalau-alukan penyertaan daripada semua lapisan masyarakat dalam pameran yang penting di peringkat kebangsaan ini yang menekankan kepentingan inovasi, kerjasama strategik dan kemajuan teknologi.

Ikti perkembangan terkini melalui Facebook Brunei Technology Expo - TechXpo dan Instagram @techxpo.bn.

## Contoh akhlak, keperibadian Rasulullah

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**TEMBURONG**, Sabtu, 10 Mei. - Dalam usaha untuk menambah minat para muslimah khususnya mengenai sejarah Islam, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui

minat para muslimah khususnya mengenai sejarah Islam, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui



PEGAWAI Ugama (SkPPA) dari Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan ceramah di program berkenaan (atas). Manakala, gambar bawah, sebahagian yang hadir pada program tersebut.



Bahagian Hal Ehwal Muslimah pagi tadi mengadakan Program Sirah Nabawiyah bagi kali kedua yang berlangsung di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, di sini.

Atur cara program diserikan dengan ceramah bertajuk 'Akhlak Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam: Satu Teladan' disampaikan oleh Pegawai Ugama (SkPPA), Bahagian Hal Ehwal Muslimah, JHEM, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Noorhazalina binti Mohiddin.

Ceramah tersebut memfokuskan tentang perjalanan kehidupan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam agar para muslimah dapat mencontohi keperibadian mulia Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, sekali gus menanamkan rasa cinta kepada Baginda.

Di samping itu, inti pati ceramah mengingatkan bahawa berazam untuk memiliki akhlak yang baik dan menjauhi perkara yang dicela merupakan satu ketaatan kepada

Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya.

Dengan adanya ceramah tersebut adalah juga dihasrat para muslimah akan dapat mengaplikasikannya sebagai iktibar dan untuk diamalkan di dalam kehidupan berkeluarga.

Program Sirah Nabawiyah berkenaan diadakan sebanyak empat kali dan pada kali kedua ini diselenggarakan dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.



# MINDA PEMBACA

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Impak Kenaikan Kos Sara Hidup.' Tarikh Tutup : 14 Mei 2025
2. 'Kesihatan Mental Dalam Kalangan Remaja.' Tarikh Tutup : 21 Mei 2025
3. 'Kesan Pemanasan Global Terhadap Kehidupan Harian.' Tarikh Tutup : 28 Mei 2025

### TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510

Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# سُرْدَلُهُ الْمُرْجِي

## جنجي: ريعن دأوچقکن برت دتونیکن

جماعه يع در جمي الله،

مندغکن جنجي ايت مروفاکن ساتو آمانه دان موڠکير جنجي ايت فولا فربواتن اورڠ منافق دان بردوسا بسر، مك کران ايت أکام کيت تله منتوکن فرکارا يع فرلو کيت لاکون اقبيل مبواات جنجي ایاله دعن موڠقکن لفظ إن شاء الله اقبيل برجنجي، سوروهن این تله دجلسکن اویله الله شیخاله و تعالی دلم القرآن سپاکیمان فرمانن دالم سورة الكھف آية ۲۴-۲۳ يع تفسیرن:

دان جاغنه سکالی-کالی أغکار (واهای نبی محمد) مغاتکن مثناي سسواتو: "سوسوگکوہن اکن ملاکوکن ایت ایسوق". ملاینکن (هندلہ دستاکن دعن برکات): "إن شاء الله". دان یغتلہ توہنmo جک أغکار لوغا (موجھقکن إن شاء الله) دان کاتاکله: "موده-مودهن توہنکو مغورنیکان کشکو فوځخوچ يع لیه دکت کشک بکبرن درد (قصه أصحاب الکھف) این".

الله شیخاله و تعالی دعن جلس منوروکن ایه این سپاکای فوځخوچ کفدا رسول الله ﷺ دان اومتن سوقای مبرهکن سکل فرکارا ایت کشک الله شیخاله و تعالی، تراوتام اقبيل هندلہ ملاکوکن سسواتو قد ماس يع اکن داعن دسرتاکن فرکان ان شاء الله (جک دکھندي الله). کران الله شیخاله و تعالی جواله يع مغهړوي اف يع اکن برلاکو سلفس ایت دان دیاله يع برکواں مغاذنکن اتاوون مغهړالغن.

آخر، یغتلہ واهای قوم مسلمین بناف أکام کيت ساعت معمبل برت فرجال جنجي. اویله يع دمکن، برهاتی-هاتیه سلیوم برجنجي. جادیکنله دیری کيت میلکیکی جیری-جیری اورڠ-اورڠ يع بریان یاپت اورڠ-اورڠ يع برقوی دان فنوه آمانه، بوکن درد اورڠ-اورڠ يع موڠکير جنجي يع ترکولوغ دالم کولوغن اورڠ-اورڠ منافق. تغۇڻ يانکو من ذلک.

تفسیرن:

دان اورڠ-اورڠ يع منحالک آمانه-آمانه دان جنجي مریک. دان اورڠ-اورڠ يع تغۇڻ ملیهارا سبېیغ مریک. مریک یاپلے فواریس-فواریس. يع اکن مورایسی شرک فردوس، مریک ککل دالمن. { سورة المؤمنون آية: ۱۱-۸ }

بارک الله لئا في القرآن العظيم، ونفعنا بالآيات والذکر الحكيم. وتغىل منا تلاوةه إله هوالسبعين العظيم، وأسْعَفَ الله العظيم لي ولكل ولسان المُسلِّمِين وأَمْسِلَّمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَفِرُوهُ فِيَ فَوْزِ الْمُسْتَفِرِّينَ وَيَا تَحْمِلَةَ النَّاسِينَ.

جماعه يع در جمي الله،

برقوی له کيت کحضرۃ الله شیخاله و تعالی دعن منیغکتکن کلماں کشک. سسوگکوہن اورڠ يع فالیغ مليا دیسیسی الله شیخاله و تعالی ایت ایاله اورڠ يع فالیغ برقوی. موده-مودهن کيت منجادی إنسان يع سنتیس مغلېشي الله شیخاله و تعالی، براؤله کچیان دان کسلامن دنیا دان جوک دأخیره.

الله شیخاله و تعالی برفرمان دالم سورة النحل آية: ۹۱:

تفسیرن:

دان سقورناکله فرجنجین دعن الله اقبيل کامو برجنجي دان جاغنله کامو ملکر سومقه-سومشه (کامو) سسوډه منکوھکن، قد حال کامو تله منجادیکن الله سپاکای فتحامین (سقی دان فقاوس) انس کامو. سسوگکوہن الله مغهړوي اف يع کامو لاکون.

جماعه يع در جمي الله،

اکام إسلام امت منککن مغایی کواچین منقی دان مېسقورناکن جنجي کران ای اداله لامیغ کشک کجوجورن، کفرجايان دان کبرسیهن هاتی سساوړ. فرلو دایغت، بهاو جنجي ایت ریعن دان موده اوښوچ دأوچقکن نامون ای برت اوښوچ دتونیکن.

سسوگکوہن کيت هيدوف دنیا این اکن سنتیس تراپکت دعن جنجي، سام اد جنجي کشک الله شیخاله و تعالی، جنجي کشک رسول الله ﷺ ستروسن جنجي کشک اورڠ لان. ادفون يع دمکسودکن دعن جنجي کشک رسول الله شیخاله و تعالی ایت اداله میشکوتی سکل فرجالن، سیره دان کپیدوڻن پکیندا.

اوله يع دمکن، اقبيل سساوړ ایت برحاصل منقی جنجي کشک الله شیخاله و تعالی دان رسول، مك دی فولا فسی اکن برحاصل منقی جنجي کشک لاین. سپالیق، اقبيل دی کاکل منوهي جنجي کشک الله شیخاله و تعالی دان رسول، مك دی اداله اورڠ يع تدقیک مکع آمانه، سدغکن منوایکن جنجي ایت ترمسوچ دالم کولوغن اورڠ-اورڠ يع برآخلاق مليا دان برقوی . الله شیخاله و تعالی برفرمان دالم سورة آل عمران آية: ۷۶:

تفسیرن:

بوکن دمکن، سپنن سپیاف يع منقی جنجین دان برقوی مك سسوگکوہن الله مغایی اورڠ-اورڠ يع برقوی.

# دعاء ممohen كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنیس فیاکیت

**DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA  
DAN SEGALA JENIS PENYAKIT**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

تَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَنَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ

اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ

أَخْتَنَّنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعَزَّةِ وَاجْبَرُونَا.

وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا

يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ  
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي  
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ  
وَقِنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ

شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

**TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT  
DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT**

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْهُ سِنَةٌ وَلَا نُومٌ لَمَّا مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَلِكَ الْذِي يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَنْعُودُ حَفَظَهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ٦٥٥

**Peringatan :**

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini setiap 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna.

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَائِمًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَحْلُلُ بِهِ الْعُقْدُ، وَتُنْفِرُ بِهِ الْكُرْبَ، وَتُقْضِي بِهِ الْحَوَاجْ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَالَمِ، وَيُسْتَسْقَى بِالْعَمَامِ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحِّيْهِ فِي كُلِّ الْمَحَةِ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**

Selawat ini amat luas rahnnya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدُكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فِيَّهُ لَا يَغْفِرُ الْذُنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

**Fadilatnya :**

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذَكْرُ بِچاءِنْ يَعْ مِبَاوا كِبَراً وَنَتوْغُنْ سَاعَتْ بَسْرَ كَفْدُ ڦَعْعَمْلَنْ ( تَولُقْ بَلَاءَ )

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

**Penerangan :**

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

**Penerangan :**

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

**Penerangan :**

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَمِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

**Penerangan :**

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

**Penerangan :**

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



JABATAN  
PENGANGKUTAN DARAT  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
01 / JPD / JKSH / 2025-2026  
24 Months Term Provision of Cleaning Services for Land Transport Department Old Office Building (Gadong)

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
04 / JPD / JKSH / 2025-2026  
24 Months Term Provision of Cleaning Services for Land Transport Department Mumong Post Office Branch (Belait)

**Bayaran Yuran Tawaran:**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu,  
21 Mei 2025.  
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Sebut Harga :**  
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN / 1 / 2025 - 2026

**Tajuk Sebut Harga:**  
To Design, Print, Fabricate, And Install Posters For The Ministry Of Primary Resources And Tourism.

**Tarikh Buka Sebut Harga:**  
17 April 2025, Khamis.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
22 Mei 2025, Khamis.

**Jam:**  
2.00 Petang.

**Tarikh Taklimat (Jika Berkenaan):**  
21 April 2025, Isnin. Semasa waktu bekerja

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga:**  
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)  
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



JABATAN BANDARAN  
KUALA BELAIT DAN SERIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAH  
DALAM NEGERI

**Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membuka Dan Mengganti Baharu Pintu Masuk Belakang Jenis 'Roller Shutter' Di Bangunan Pasarneka Kuala Belait,**  
Jalan Pasarneka Kuala Belait, 02 / BBS / SH / BKA / 2024-2025

**Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Pada Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria Di Jalan McKerron Kuala Belait**  
03 / BBS / SH / BKA / 2024-2025

**Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori KA01)**

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
20 Mei 2024.

**Waktu Kounter Pembayaran:**  
Isnin – Khamis:  
8.00 Pagi – 12.00 Tengah Hari  
1.30 Petang – 3.00 Petang

**Sabtu:**  
8.00 Pagi – 10.00 Pagi  
Tutup pada Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam



JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI

**Tajuk Tawaran:**  
Supply, Delivery & Configuration of New Spares Generator Controller Display, Department of Civil Aviation ATELS / 2025 / SH – 04

**Tajuk Tawaran:**  
The Supply And Delivery of ISATPHONE Prepaid Subscription Services And Annual License Fee For Search And Rescue Operation, Department of Civil Aviation ATELS / 2025 / SH - 15

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**  
7 Mei 2025, Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**  
20 Mei 2025, Selasa.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
21 Mei 2025, Rabu.  
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada:**  
Pengerusi / Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam



JABATAN PERKHIDMATAN  
ELEKTRIK  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI

**Makluman  
Iklan Lanjutan**

**Jemputan Untuk Memberi Sebut Harga**  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Sebut Harga:**  
JPE / LTK / BPP / 080 / 2024

**Tajuk Sebut Harga:**  
Maintenance Of 10m To 15m Street Lightings For Mainroad For A Period Of Three (3) Years

**Tarikh Tutup Dilanjutkan Kepada:**  
20 Mei 2025.  
Selasa,  
Jam 2.00 Petang.

**Harga Dokumen:**  
BND50.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup:**  
Tender Box  
Pengerusi  
Lembaga Tarawar Kecil, Jabatan Perdana Menteri Basement Two (B2) Jabatan Perdana Menteri, Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**Makluman  
Iklan Lanjutan**

**Jemputan Untuk Memberi Sebut Harga**  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / PDP / 011 / 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Protection Grading And Coordination Studies For 11kv Networks Of The Selective 66/11kv Zone Substation In Belait District

**Tarikh Tutup Dilanjutkan Sehingga:**  
20 Mei 2025.  
Selasa,  
Jam 2.00 Petang.

**Tempat Tutup :**  
Tender Box  
Pengerusi

Lembaga Tarawar Kecil, Jabatan Perdana Menteri Basement Two (B2) Jabatan Perdana Menteri, Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913, Negara Brunei Darussalam.



JABATAN ALAM SEKITAR,  
TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas:**  
III, IV & V

**Kategori:**  
S01

**Tarikh Buka Tawaran pada:**  
29 April 2025. (Selasa)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**  
24 Jun 2025. (Selasa)

**Tarikh Tutup Pada:**  
29 Julai 2025. (Selasa)  
Sebelum jam 2.00 Petang.

**(Ditutup di Pejabat Lembaga**

Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BL / DB / 01 / 2025**  
Kerja-Kerja Pembakaian Dan Pengubahsuaian Tapak Semaian Belimbing, Jabatan Alam Sekitar, Taman Dan Rekreasi.

**No. Projek:**  
JASTRE / BL / DB / 01 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**  
BND 500.00  
(Non-Refundable)



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas  
I, II & III

Kategori  
KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada:  
12 Mei 2025. (Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:  
3 Jun 2025. (Selasa)

Tarikh Tutup Pada:  
10 Jun 2022. (Selasa)  
Jam : 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / TUT / T010 / 2025  
Penyelenggaraan Lanskap Sepanjang Jalan Mahad Termasuk Pusing Keliling Menuju Lebuhraya Dan Padang Simpang 94, Daerah Tutong Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.

No. Projek:  
JASTRE / TUT / T011 / 2025

JASTRE / TUT / T011 / 2025  
Penyelenggaraan Lanskap Bagi Sebahagian Kawasan Yang Terpilih Di Tatangan Persiaran Sungai Tutong Dan Kawasan Bangunan Pejabat-Pejabat Kerajaan Di Daerah Tutong Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.

No. Projek:  
JASTRE / TUT / T011 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:  
BND30.00 (Non-Refundable)



Pembatalan Iklan

Tajuk Tawaran:  
To Provide Maintenance Services For AGL At Brunei International Airport  
AME / 2024-2025 / SH-19  
(Kelas V ke atas)

1. UNISSA / SB0005 / 2025 / 2026  
To Replace, Supply And Install New Air-Conditioning Unit System For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Campus Gadong – [Class: 1 & Above] & [Category: M01]

2. UNISSA / SB0006 / 2025 / 2026  
To Replace, Supply And Install



Bilangan Tawaran:  
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 12

Tajuk Tawaran:  
Perkhidmatan Percetakan Kad-Kad Jemputan, Kad-Kad Masuk, Buku Menu, Buku Program Dan Lembaran Kenangan Bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat Dan Penduduk Daerah Tutong

Yuran Tawaran:  
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:  
Rabu,  
28 Mei 2025.  
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:  
JDT / UTS / HK-79 / 2025 / 13

Tajuk Tawaran:  
Pengurusan Dan Pengendalian Gerai Perayaan Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun bagi Daerah Tutong

Yuran Tawaran:  
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:  
Rabu,  
28 Mei 2025.  
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI

Bilangan dan  
Tajuk Tawaran:  
EGNC / PM / 4.1 / 1.2025  
DATA

ANALYTICS-AS-A-SERVICE  
(DAaaS), Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC), Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi (MTIC)

Bayaran Yuran Tawaran:  
BND1,005.00  
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:  
Selasa,  
6 Mei 2025.



Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:  
IKAN / 78(Q) / 0006 / 2025

Tajuk Sebut Harga:  
Mengendalikan Kursus Pengendalian Bahan Kimia Inklusif Jamuan Dan Tempat Latihan

Tarikh Tutup Sebut Harga:  
Khamis,  
29 Mei 2025.  
Jam 2.00 Petang.



Pemberitahuan Tawaran




27 Mei 2025.

JPt / TAW / 01 / 2025-2026:  
Membekal Baja Sebatian NPK  
12:12:17:2 Sebanyak 3,300 Beg  
(50kg / Beg) Bagi Bantuan Insentif Jabatan.

Yuran Tawaran:  
BND30.00

Borang Tawaran:  
BND15.00

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Selasa



1. UNISSA / SB0005 / 2025 / 2026

To Replace, Supply And Install New Air-Conditioning Unit System For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Campus Gadong – [Class: 1 & Above] & [Category: M01]

2. UNISSA / SB0006 / 2025 / 2026

To Replace, Supply And Install



New Air-Conditioning Unit System For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Campus Sinaut – [Class: 1 & Above] & [Category: M01]

Tarikh Tutup:  
Rabu,  
14 Mei 2025.



PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:  
PPN / LIBRARY / BUU / QTN /  
2025 / 5 / 1

Tajuk Tawaran :  
Quotation For Supply And Delivery Of Textbooks For Collections Of The Law Library (Part 1), Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha



Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran:  
Selasa,  
20 Mei 2025.  
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:  
01 / BBS / SH / 2025 – 2026

Keterangan Projek:  
Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Bangunan Pentas Diraja Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait [Dibuka kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam]

Bilangan Tawaran:  
02 / BBS / SH / BKA /  
2025 – 2026

Keterangan Projek:  
Sebut Harga Bagi Kerja – Kerja Membuka Dan Mengganti Baharu Pintu Masuk Belakang Jenis 'Roller Shutter' Di Bangunan Pasarneka Kuala Belait, Jalan Pasarneka Kuala Belait [Dibuka kepada pemborong – pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori KA01)]




Darussalam (Kelas I dan II Kategori KA01)]

Bilangan Tawaran:  
03 / BBS / SH / BKA / 2025 – 2026

Keterangan Projek:  
Sebut Harga Bagi Kerja – Kerja Membaki Kerosakan Pada Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria Di Jalan McKerron Kuala Belait [Dibuka kepada pemborong – pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori KA01)]

Yuran Tawaran:  
BND5.00 (Non-Refundable)



Tarikh Tutup:  
Selasa,  
20 Mei 2025.



JABATAN ALAM SEKITAR,  
TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada  
Pemborong-pemborong  
Yang Berdaftar  
Di Negara Brunei Darussalam

Kelas:  
III, IV & V

Kategori:  
S01

Tarikh Buka Tawaran pada:  
5 Mei 2025.  
(Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:  
27 Mei 2025. (Selasa)

Tarikh Tutup Pada:  
3 Jun 2025. (Selasa)  
Sebelum jam 2.00 Petang.

(Ditutup di Pejabat Lembaga  
Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah  
Bangunan Kementerian  
Pembangunan, Lapangan  
Terbang Lama Berakas,  
Bandar Seri Begawan BB3510,  
Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BKP / T009 / 2025**  
Perkhidmatan Kutipan dan  
Pembuangan Sampah Daripada  
Putus-Putus Pengumpulan  
Sampah Di Daerah  
Brunei Muara  
Bagi Tempoh Lima (5) Tahun.

No. Projek:  
JASTRE / BKP / T009 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:  
BND 500.00  
(Non-Refundable)



INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM

#### Notis Sebut Harga

**Tajuk Sebut Harga:**  
IPA / PENT / SVC / 513  
Kerja-Kerja Perkhidmatan  
Pengangkutan Dan  
Pembuangan Sampah

**Tajuk Sebut Harga:**  
IPA / PENT / SVC / 512  
Perkhidmatan  
Penyewaan / Pengusahaan Kiosk  
Makanan



#### Tarikh Tutup Bagi

**Harga:**  
Selasa,  
20 Mei 2025.  
Jam 9.00 Pagi.

**Yuran Sebut Harga:**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)



PUSAT PENGURUSAN  
BENCANA KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN HAL EHWA  
DALAM NEGERI

#### Kenyataan Tawaran

**Bilangan Sebut Harga:**  
(4) NDMC / TSH / 2025-2026

**Tajuk Sebut Harga:**  
Maintenance And  
Repair To Building,  
Electrical Works For Putus  
Pemindahan Sementara Evakuasi  
(PPSe) Jalan Subok

**Yuran:**  
BND5.00  
(Lima Ringgit Sahaja)

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
14 Mei 2025.  
Jam 2.00 Petang.



JABATAN PENERANGAN  
JABATAN PERDANA  
MENTERI

**Bilangan Sebut Harga:**  
(20) INFO / PK / K / 7  
(2025 - 2026)

**Tajuk:**  
Membekalkan  
Perkhidmatan Pembekalan  
Jamuan  
Secara Berkontrak Selama  
Satu (1) Tahun

**Yuran:**  
BND5.00  
(Lima Ringgit Sahaja)

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
15 Mei 2025.  
Jam 8.00 Pagi.



JABATAN PERHUTANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN

#### Tawaran:

JPH / MYCE2025 / SH / 2546 /  
2025 - 2026  
Menyediakan Kelengkapan dan  
Membekalkan LED Screen And  
Launching Mechanism Di Pusat  
Persidangan Antarabangsa (ICC)  
Bagi Acara Conference On Forest  
To Reef Bersempena Mid-Year  
Conference And Exhibition  
(MYCE) 2025

#### Tarikh dan Jam Tutup

**Sebut Harga:**  
Khamis,  
15 Mei 2025.  
2.00 Petang.



JABATAN BANDARAN TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWA  
DALAM NEGERI

#### Pemberitahuan Tawaran

**Bilangan Tawaran:**  
JBT / S / 05 / 2025-2026

**Tajuk Tawaran:**  
Sebut Harga Bagi  
Kerja-Kerja Membekal Dan  
Memasang Pagar (Railing)  
Sebelah Kiri Dan Kanan Pada  
Setiap Tanjakan (Ramp) Di  
Blok-Blok Kompleks Pasarneka  
Dan Tamu Tutong

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu,  
14 Mei 2025,  
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

#### Rujukan

**Bilangan Dan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 /  
LB / TA / 006

Pembakaian Dan Baik Pulih Bagi  
16 Jenis Kenderaan 4 Ton With  
Crane Kepunyaan Unit-Unit  
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian

Borang Tawaran adalah  
lima (5) hari sebelum  
tarikh tutup tawaran,  
iaitu Selasa,  
23 Mei 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
27 Mei 2025.  
2.00 Petang.



KEMENTERIAN HAL  
EHWA UGAMA

#### Bahagian Kemajuan

Syar Islam  
Kementerian Hal  
Ehwal Ugama

Negara Brunei Darussalam

#### Tawaran Sebut Harga

**Bil. Sebut Harga:**  
KHEU / BKSI / 2 / 04 / 2025  
Majlis Ibadah Korban Sunat  
1445 Hijrah @ Refrigerated /  
Reefer Container Rental

**Bil. Sebut Harga:**  
KHEU / BKSI / 3 / 04 / 2025  
Tentage Rental And  
Genset For Majlis Ibadah Qurban

Sunat Bagi Kebawah Duli Yang  
Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Mu'izzaddin Waddaulah ibni  
Al-Marhum  
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan  
dan Yang Di-Pertuan Negara  
Brunei Darussalam dan Kerabat  
Baginda Bagi Tahun 1446H /  
2025M

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
14 Mei 2025.  
Jam 2.00 Petang.



**Keterangan Projek:**  
Supply And Delivery Of  
Dust Bin For

Bahagian Perkhidmatan,  
Jabatan Bandaran Kuala Belait  
dan Seria

**Bilangan Tawaran:**  
01 / BBS / DBBPJBKBS / 2025 -  
2026

**Keterangan Projek:**  
Remove Of Litters During  
And After Majlis Ramah Mesra  
Bersama Rakyat At  
Padang Bandaran Kuala Belait  
Sempena Sambutan

Perayaan Ulang Tahun  
Keputeraan Kebawah Duli  
Yang Maha Mulia Paduka Seri  
Baginda Sultan dan Yang  
Di-Pertuan Negara Brunei  
Darussalam Yang Ke-79 Tahun  
Peringkat Daerah Belait, Tahun  
2025

**Bilangan Tawaran:**  
01 / BBS / SH / 2025 – 2026

**Keterangan Projek:**  
Remove Of Litters At  
Gerai Perayaan Kawasan  
Tudung Saji Jalan Setia  
Diraja Sempena Sambutan  
Perayaan Ulang Tahun  
Keputeraan Kebawah Duli Yang  
Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam Yang  
Ke-79 Tahun Peringkat Daerah  
Belait, Tahun 2025

**Bilangan Tawaran:**  
02 / BBS / SH / 2025 - 2026





Di Dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan

**Kes No.**  
BCY / CP / 216 / 2024

**Baiduri Finance Berhad**  
Pemutang Penghakiman /  
Pemetsiyen

**Mohammad Yusnady Bin Adnan**  
ABDB IC No. 01-037588  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **20 Februari 2025**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**

**Mohammad Yusnady Bin Adnan**  
Lot 13567, No. 8, Simpang 2072,  
Kampung Bukit, Tutong TF 3147.  
Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen:**  
5 Oktober 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh:**  
29 Mac 2025

#### Notis Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama

Dibawah Perintah Penerimaan bertarikh **20 Februari 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 26 Mei 2025 jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-buktamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **19 Mei 2025 jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak Pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

**Bertarikh:**

kegalannya.

**Bertarikh:**  
29 Mac 2025

**Fatin Fikriyah Binti Haji Rosli**  
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**  
**B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar**

**Kes No.**  
BCY / CP / 225 / 2024

**BIBD At-Tamwil Berhad**  
Pemutang Penghakiman /  
Pemetsiyen

**Lura Elmy Binti Mussidi**  
BYIC NO. 00-311417  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **1 Mac 2025**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**

**Lura Elmy Binti Mussidi**  
Lot 13567, No. 8, Simpang 2072,  
Kampung Bukit, Tutong TF 3147.  
Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen:**  
21 November 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh:**  
26 Mac 2025

#### Notis Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **1 Mac 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-7), Mahkamah Besar pada 19hb Mei 2025 jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-buktamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **19 Mei 2025 jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak Pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

**Bertarikh:**

26 Mac 2025

**Kes No.**  
BCY / CP / 213 / 2024

**Baiduri Finance Berhad**  
Pemutang Penghakiman /  
Pemetsiyen

**Muhammad Zulhilmie Bin Abdullah Jepon**  
BYIC NO. 00-263063  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **18 Januari 2025**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**

**Muhammad Zulhilmie Bin Abdullah Jepon**  
No.23-A, Block 280,  
Jalan Maha Raja Lela,  
Kuala Belait. KA 3131.  
Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen:**  
4 September 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh:**  
29 Mac 2025

#### Notis Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **18 Januari 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-7), Mahkamah Besar pada 19hb Mei 2025 jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-buktamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **19 Mei 2025 jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak Pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

**Bertarikh:**  
29 Mac 2025

**Nuuror-Raheebah Binti Haji Abd Wahab**  
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**  
**b/p Penerima Rasmi Mahkamah Besar**

**b/p Penerima Rasmi Mahkamah Besar**

**Kes No.**  
BCY / CP / 215 / 2024

**Malayan Banking Berhad**  
Pemutang Penghakiman /  
Pemetsiyen

**Dickson Kwan Tai Wah**  
BYIC NO. 01-106081  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **6 Mac 2025**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**

**Dickson Kwan Tai Wah**  
No.5, Jalan Sultan Omar Ali,  
Seria. KB 2723.  
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
15 Oktober 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh:**  
22 Mac 2025

#### Notis Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **6 Mac 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 23 April 2025 jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-buktamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **23 April 2025 jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak Pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

**Bertarikh:**  
22 Mac 2025

**Muhammad Syafiq Bin Awang Haji Zakaria**  
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**  
**b/p Penerima Rasmi Mahkamah Besar**

**Kes No.**

BCY / CP / 206 / 2024

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei**  
Pemutang Penghakiman /  
Pemetsiyen

**Awang Rosman Bin Awang Haji Tuah @ Awang Haji Kassim**  
BYIC No. 00-128205  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

#### Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **1 Februari 2025**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**  
**Awang Rosman Bin Awang Haji Tuah @ Awang Haji Kassim**  
No. 96, Jln Takidin,  
STKRJ Kg. Lugu BE2921,  
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
17 September 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh:**  
5 April 2025

#### Notis Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **1 Februari 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 23 April 2025 jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-buktamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **23 April 2025 jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar**.

# IBTE KAMPUS BISNES ANJUR HOBBY AND GAMES FEST 2025

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Foto : Ihsan Haji Mohd. Saiful Hizam Haji Alias



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 Mei. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Bisnes, baru-baru ini menganjurkan acara tahunan Hobby and Games Fest 2025 yang diadakan selama tiga hari bermula 9 Mei hingga 11 Mei 2025 bertempat di IBTE Kampus Bisnes.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran telah diadakan pagi tadi yang dihadiri oleh Pengurus Akademik, Awang Norazeen binti Haji Nayan selaku tetamu kehormat.

Turut hadir, Pengurus Operasi IBTE, Awang Haji Mohammad Sofian bin Lamit, tenaga pengajar

bagi modul Pengurusan Acara, tenaga pengajar dan kakitangan IBTE Kampus Bisnes serta ahli-ahli jawatankuasa festival.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha oleh Awang Muhd. Nur Danish Darwish bin Mohd. Nuradenan, pelajar BUS05/H/BBM/18 diikuti dengan ucapan daripada Ketua Ahli Jawatankuasa, Awang Abdul Hakim Waliy 'Azeem.

Lebih 18 petak jualan dibuka kepada para pelajar kampus, selain usahawan tempatan dan perniagaan tempatan. Pelbagai makanan, minuman, permainan serta aktiviti turut ditawarkan sebagai sebahagian daripada festival



SEKITAR acara Hobby and Games Fest 2025 yang diadakan di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Bisnes (atas dan kiri).

mengerakkan silaturahim.

Kemudian majlis penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat oleh Awang Abdul Hakim Waliy 'Azeem dan diakhiri dengan lawatan ke petak-petak jualan.

Acara ini merupakan anjuran para pelajar semester dua daripada program HNTec dalam Perniagaan (Pengurusan Perniagaan) dan HNTec dalam Perniagaan (Pentadbiran Pejabat) sebagai sebahagian daripada penilaian modul Pengurusan Acara mereka.

Lebih 18 petak jualan dibuka kepada para pelajar kampus, selain usahawan tempatan dan perniagaan tempatan. Pelbagai makanan, minuman, permainan serta aktiviti turut ditawarkan sebagai sebahagian daripada festival

tersebut.

Adapun tujuan diadakan adalah untuk memberi pelajar pengalaman praktikal dan nyata dalam merancang serta melaksanakan acara berskala besar untuk orang awam.

Festival selama tiga hari ini

menampilkan pelbagai gerai jualan, gerai makanan, permainan interaktif dan aktiviti mesra keluarga. Bertemakan 'Hobby and Games', festival ini direka untuk meraikan kegembiraan, kreativiti dan penglibatan komuniti.

## PPDB berjaya gagalkan penyeludupan barang tegahan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**TEMBURONG,** Sabtu, 10 Mei. - Pegawai dan anggota Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah berjaya mematahkan percubaan membawa masuk barang tegahan di Pekan Bangar.

Pada kejadian petang Khamis, pihak PPDB telah mendapat sebuah van sewa kerajaan dengan dua individu di dalam keadaan mencurigakan. Peronda cuba bertindak untuk menahan kenderaan tersebut bagi tujuan membuat pemeriksaan.

Setelah menyedari kehadiran polis, van terus bertindak melarikan diri daripada ditahan dan satu aksi kejar-mengejar telah berlaku sehingga memasuki kawasan Kampung Menengah. Kedua-dua suspek tersebut telah melarikan diri di kawasan hutan berdekatan.

Setelah membuat pemeriksaan ke dalam van yang ditinggalkan, didapati beberapa beg plastik hitam yang mengandungi jumlah karton minuman keras yang banyak.

Barang tegahan dan kereta van dibawa ke Balai Polis Bangar untuk

siasatan lanjut dan mendapat minuman keras berjumlah 862 tin dan 48 botol.

Van serta barang-barang tegahan telah diserahkan kepada pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) untuk tindakan lanjut.

PPDB akan sentiasa membuat rondaan bagi memastikan keselamatan negara terutama

sekali di kawasan sempadan negara daripada kegiatan jenayah dan menyuru orang ramai tidak melibatkan diri perbuatan yang menyalah undang-undang Negara Brunei Darussalam.

PPDB ingin menyuru orang ramai bagi menyalurkan dan mengongsikan sebarang maklumat mengenai apa jua kegiatan jenayah ke PPDB melalui talian 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.



**BARANG** tegahan dan sebuah van sewa telah diserahkan kepada pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) untuk tindakan lanjut.

## DARI MAHKAMAH

### Rasuah: Seorang lelaki dipenjara 16 bulan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 Mei. - Majistret Harnita Zelda Skinner telah menjatuhkan hukuman 16 bulan penjara terhadap Houng Yu Kai (Defendant) yang disabitkan bersalah pada 1 Mei 2025 selepas perbicaraan atas pertuduhan alternatif bersubahat melakukan kesalahan di bawah Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Keterangan yang diperoleh semasa siasatan yang dijalankan oleh Biro Mencegah Rasuah telah mendedahkan bahawa Defendan telah bersubahat dengan seorang kakitangan kerajaan iaitu Mohd. Shah Nurul Ridzuan bin Haji Maiddin, dalam melakukan kesalahan memperoleh untuk dirinya sendiri sejumlah wang BND1,000 tanpa balasan atau dengan balasan yang beliau ketahui tidak mencukupi, yang mana Defendan tahu mempunyai kaitan dengan tugas rasmi kakitangan kerajaan tersebut sebagai Pegawai Kakitangan (Gred II) yang bertanggungjawab memproses bayaran bagi kerja Additional Power Point di Unit Perumahan Tingkat 2, Bangunan Lama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, yang disediakan oleh syarikat Defendan, Ari Cando Contractor kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Dalam ulasan hukumannya, mahkamah menekankan bahawa kes undang-undang lazimnya menyokong pengenaan hukuman penjara bagi kesalahan di bawah Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22. Mahkamah mengenakan hukuman penjara selama 16 bulan ke atas Defendan setelah mempertimbangkan titik permulaan pemenjaraan 18 bulan.

Hukuman tersebut diperintahkan untuk mula berkuat kuasa hari ini. Pendakwaan telah dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Rozaimah binti Haji Abd. Rahman manakala Defendan diwakili oleh Peguam Ahmad Basuni bin Haji Abas dari firma guaman Abrahams, Davidson & Co.

Bab 165 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 menjadikannya sebagai suatu kesalahan bagi mana-mana kakitangan kerajaan untuk memperoleh atau menerima apa-apa hadiah tanpa balasan atau dengan balasan yang tidak mencukupi daripada mana-mana orang yang mempunyai apa-apa urusan berkaitan dengan tugas-tugas rasminya.

Kesalahan ini boleh dikenakan denda dan hukuman pemenjaraan sehingga tujuh tahun. Kesalahan bersubahat dalam perkara ini juga boleh dikenakan hukuman yang sama.

# IMBASAN MINGGUAN



AHLI keluarga para pegawai rombongan awal (advance party) Pejabat Urusan Jemaah Haji (Pentadbiran dan Perubatan) bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



PEGAWAI Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi menyampaikan tazkirah bertajuk 'Jalan Ke Syurga Bermula di Rumah' pada Majlis Kesyukuran sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2025, bertempat di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.



PARA hadirin menyertai permainan melalui aktiviti pendidikan anti-doping sempena Majlis Perasmian Play True Day 2025. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

MAJLIS Pembukaan Rasmi Persidangan Menteri-menteri ASEAN yang Bertanggungjawab Ke Atas Penerangan Ke-17 (17th Conference of The ASEAN Ministers Responsible for Information-AMRI) dan Mesyuarat- Mesyuarat Yang Berkaitan diserikan dengan beberapa persembahan kebudayaan yang memperkenalkan kepelbagaiannya warisan seni dan budaya tempatan. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

KEMENTERIAN HAL Ehwal Dalam Negeri  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

سمو سلطان ملaysia مغافل ایغذی  
قیوون جایتن فنجارا  
کمنترین حال ایهول دالم نکری  
نگارا بروني دارالسلام

DEMONSTRASI oleh anggota Gerakan Khas Jabatan Penjara (Ambush Drill, Close Quarter Battle, Search & Rescue) dan pertunjukan Senario Kecemasan daripada anggota Gerakan Khas Jabatan Penjara yang dilaksanakan sempena Majlis Perbarisan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-71, Tahun 2025 bertempat di Padang Kawad, Pusat Latihan, Jabatan Penjara. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



مېرىك مىسىن ۋە ئەرلن اوتوماتىك يىغ مەمۇتو  
مەغۇرۇڭىن كېرلۈان تىناڭ كرجا مانوال دان  
مەغۇرۇتىمۇمكىن ۋە ئەرلن سچارا  
لىستارى.

سومبشن الجزري دالم بيدع  
ايندوسبري جولك تيدق كورغ هيبيتن. بلياو  
منچيقتا ميسين ۲ اونتوق منچامفور باهن ،  
معيڪسترك مېپق ، سرتا مناقيس دان  
ممھروسيس چاءير. ساله ساتو چيقتائنه  
ايانه ميسين ۋېمبىر مېپق يېڭى داشت معاول  
سوهو دەن نېتى ، ساغت برگونا دالم  
ايندوسبري ماکن دان كيميا. رىك بنتوق  
ميسين ۲ بلياو بوكن سهاج منجييتىك  
تناك ، تنافي توروت مەفرىتىغىتكەن كچكفن  
پىرىز بىندىش ئىكىنلۈكى تردهولو.

کاریا دان اینوفواسي الجزری  
ممبریکن ایمچک بسر بوکن سهاج کفڈ دنیا  
اسلام، ماله توروت ممقغاروھی فرکمبغۇن  
تىكىنولوگى دایروقە. ترجمەن کاریا بلياۋ  
كىدالىم بەھاس لاتىن مىاءينكىن ۋارانن ۋەنلىغ  
دالىم مېمارقىكىن زمان ۋېبەارون، اۋايلا  
جورۇترا دان ساەينتىس اىرۇقە منجادىكىن  
رىك بىنتوق دان سىستىم مېكانىكاڭ  
سباكىاي رجوعەن اوتمام.

سچارا کسلوروهنهن، الججزي اياله توکوه فنتیع دالم سجارة ساعین س دان تیکنولوگی. سومېعنې دالم بیدغ میکانیک، هیدرولیک، اوتوماسی دان روبوتیک مېبنتوق اساس کفڈ ۋەلباڭای تیکنولوگى مودن يې كیت منفعىتكن هاري اين. كفاكىن بلياو دالم مريک چيقتا ميسىن كومقلىكىس سرتا قماھمنى ترهادف اقليكسى تیکنولوگى دالم كېيدۈقىن سهارىن ممبوقىتىكىن بىهاوا الججزي اداله قىچتوس ريفولوسىي اول كجوروتراءن دنيا.



# الجزري: فنچیقتا روبوت دان ڦالتن

Oleh : Nurlina Shazlina binti Haji Ali dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei  
Foto : Mohammad Rafie bin Haji Roslan dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

الهندسية يع كمودين دترجمهكن دالل  
بهاس ايشكّريس اوليه دونلد هيل قد تاهون  
١٩٧٤ دان منريما قشهرگان انتارا بشسا.  
  
الجزري توروت دأغكش سباكاي  
قلوفور بيدع روبوتيك كران چيثناعنه  
روبوت فرتام دالل سجارة. انتaran اياله  
روبوت بربنتوق ماءنسى يع بروفوغسي  
اونتوق مپاجي肯 مينومون سجارا اوتماتيك  
كقد تامو. روبوت اين براوفراسى معکوناكن  
تناف ائير. اين منونجوقكن فماهمن مندالل  
بلياو تنتع فرينيسيف اوتوماسي لبيه سريبو  
تاهون لالو.

بلياو جوك تركنل دعن ڦلباكائي چيقهان اوتوમاتيڪ لاءين سفرتي سيسٽم فنچهایان دان الٽ رومه تغلٽ يع دافت برفوڠسي تنقا چمفور تاغن ماءنسٽي سچارا لغسون. اينوواسٽي - اينوواسٽين ممبوقتٽيڪن باڪايمان اءوتوماسي دافت منيڪتكن ڪچڪهن دان مغورونگهن بین ڪرجا هارين.

DALM BIDUG HIDRAOLIK DAN FGAEYIRIN ,  
الجزري منچيقتنا قم ائير يع مغکوناكن  
سيستم گيار يع دگررقن اوليه تناڭ ماەنسى  
اتاو حيوان . تيكتنولوگى اين ممبوليەكىن  
قفالىرن ائير درى سوغايى كاكاوسن قرتانىن  
دەن لېيە ايفىسيان ، سكارالىكوس ممبنتو  
منىغىتكەن حاصليل تامنن . بلياوا توروت

چکف. چیقتاءن بونکن سهاج فرکتیکل،  
ماله مقرليهتكن نيلاي ايستيتیكا دان  
كبيجقساناءن سني ريك بنتوق. ساله ساتو  
چیقتاءن ترکنل اياله جم ائير يغ مغکوناكن  
ميكانيسمى گيار دان لوجع يغ دافت  
مغحاصيلكн بويپي اوتماتيك باڭي  
منداكىن وقتو دەن تشت.

سلاعین ایت ، الجزری جوڭ منچىقىتا  
لېم جنیس الـ اونتوق مەغىكت ائير  
مەگۇناكـن كواـس الـ يـر ائـير. رـيـك بـنـتـوق  
الـ تـ ۲ اـين دـأـوـبـهـسـوـاـي مـعـيـكـوـت كـتـيـقـكـىـن  
تـرـنـتـنـتو ، باـكـى مـمـسـتـيـكـىـن اـئـير دـأـغـكـت  
كـفـارـسـ يـعـ دـكـهـنـدـقـىـ. سـمـوـ چـيـقـتـاءـن اـين  
دـچـاتـنـ دـالـمـ كـتـابـنـ كـتـابـ فـيـ مـعـرـفـةـ الحـيـلـ

ابن إسماعيل الجزري ، اتاو لبيه  
دكلي سباڭاي الجزري ، مروفاكن سأورغ  
علمون ، جوروترا ، فنجيقتا دان اهلي  
ميكانيك تركموك قد زمان كامسن إسلام ،  
خصوصن سماس ايرا ڦمريتهن عباسية قد  
ابد ک- ١٢- (١١٣٦- ١٢٠٦). نام ڦنوههن  
ایاله بدیع الزمان أبو العز بن إسماعيل بن  
الرزاچ الجزري. بلياو برأصل دري آمد یغ کيني  
دكلي سباڭاي ولايه ديار بکر دتگكارا  
آنانوليا ، تورکي. بلياو دكلي سباڭاي الجزري  
سمقنا تمثت کلاهيرنن ، جزيرة ابن عمر ،  
یغ ترلتق دأنتارا سوغاي دجلة تيگريس دان  
فرات دعراق.

الجزری بر خدمت سباکای جوروترا  
ددیار بکر ، ولایه میلیق بعسا ترکمان دأوتارا  
جزیرة الفراتية ، يع کتیک ایت براد دباوه  
فمرینتهن کراجاعن أیوبیه يع دأساسکن  
اولیه صلاح الدين الأیوبی. دباوه ناءوغن  
فمرینته بنی ارتق ، بلياو دبیری ڤرليندوغۇن  
دان اخیرن دلاتنیق سباکای کتوا جوروترا  
میکانیک ایستان. سقنجع ۲۵ تاهون  
فرخدمتنن ، بلياو مغحاصىلکن ڦلباكای  
اللت میکانیک اونتوق ڦننتو وقتو ، ڦرتانین  
دان هېبورن.

سومبشن تربسر الجزمي تركندوغ  
دالم كارياث يع مشهور الجامع بين العلم  
والعمل النافع في صناعة الحيل كابوغن



# Jururawat, bidan beri faedah besar seluruh dunia

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto : Jabatan Penerangan

**B**IDANG kejururawatan merupakan kerjaya yang dinamik dan sentiasa berkembang seiring kemajuan teknologi terkini dalam bidang perubatan dan perawatan bagi memenuhi keperluan dan kehendak dunia perubatan semasa. Oleh yang demikian, penghargaan dan sokongan kepada jururawat adalah amat penting demi memastikan sistem penjagaan kesihatan yang kukuh dan efisien.

Kejururawatan juga amat berperanan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan kemampuan di mana pelaburan dalam penjagaan kesihatan, khususnya kejururawatan mempunyai faedah ekonomi seperti peningkatan produktiviti, pengurangan kos penjagaan kesihatan dan peningkatan kebajikan sosial. Mereka menumpukan masa dan kapakan mereka, bahkan sering kali berdepan dengan risiko dan bahaya, demi menjaga dan merawat pesakit-pesakit mereka dan seperti di negara-negara yang lain juga, setiap hospital di Negara Brunei Darussalam (NBD) memerlukan banyak khidmat para jururawat yang berkemahiran. Oleh yang demikian, para jururawat dan bidan adalah di antara profesional kesihatan yang sentiasa berusaha dan proaktif dalam memperkembangkan dan memperluaskan pengetahuan dan kemahiran mereka, di samping menghadapi pelbagai cabaran termasuk trend kehidupan, teknologi dan juga harapan tinggi daripada doktor-doktor dan personel kesihatan yang lain, mahupun orang ramai.

## Sejarah kerjaya kejururawatan

Sejarah kerjaya kejururawatan sering kali dikaitkan dengan kehebatan seorang

jururawat Inggeris, Florence Nightingale, yang digelar 'The Lady with the Lamp', iaitu tokoh wanita terkenal di dunia yang pada suatu ketika dahulu berkorban tenaga untuk merawat perajurit British dalam peperangan dan adalah juga pengasas Pendidikan Kejururawatan secara profesional pada tahun 1860.

Profesional kejururawatan dan bidan, dipandang mulia dan adalah juga antara kerjaya yang terpilih di dalam Islam, di mana sejak lebih 170 tahun, profesion kejururawatan dan kebidanan adalah tulang belakang yang memainkan peranan yang sangat penting dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan di mana sahaja mereka berada di dunia ini.

Dalam memberikan penghargaan dan penghormatan kepada para jururawat dan bidan, setiap tahun Hari Jururawat Antarabangsa atau International Nurses Day (IND) disambut pada 12 Mei dan Hari Bidan Antarabangsa atau International Day of Midwife (IDM) disambut pada 5 Mei.

## Sentiasa beri komitmen yang tinggi

Di NBD, Hari Jururawat Antarabangsa dan Hari Bidan Antarabangsa ini digabungkan dan diraikan serentak pada setiap 12 Mei dan ia dinamakan sebagai Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa atau International Nursing and Midwifery Day (INMD).

Dalam menangani isu-isu semasa pula, terutama semasa negara dilanda oleh fenomena COVID-19, mereka inilah yang berhadapan dalam menangani jangkitan wabak COVID-19, menjadi pekerja kesihatan di barisan hadapan (*frontliners*), para jururawat dan bidan, semuanya berhadapan dengan pelbagai dugaan yang sangat mencabar.

Namun begitu, para jururawat sentiasa memberikan komitmen yang tinggi,

termasuklah dalam memberikan rawatan dan penjagaan pesakit yang berkualiti tinggi; meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai wabak COVID-19; memberikan nasihat-nasihat serta ketetapan dalam menangani keimbangan serta persoalan para pesakit mengenai COVID-19; dan segelintir daripada mereka juga membantu dalam mengumpul data-data untuk kajian klinikal, bahkan mereka sanggup berjauhan dari keluarga mereka dan berdepan dengan bahaya virus tersebut demi memikul tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi untuk memberikan rawatan.

Memang tidak dapat dinafikan, tanpa adanya para jururawat dan bidan dalam menjalankan tugas mereka, sudah setentunya sistem penjagaan kesihatan bagi COVID-19 di negara ini ketika itu tidak akan dapat dilaksanakan dengan baik.

## Tulang belakang kepada penjagaan kesihatan

Bidang kejururawatan dan bidan adalah tulang belakang kepada penjagaan kesihatan yang telah banyak berkembang, daripada memberi perkhidmatan *bedside nursing care* kepada jenis tugas-tugas yang lebih kepada *highly technical and advanced*. Bidang ini juga adalah satu profesi yang sangat mulia yang perlu kita lindungi, hormati dan hargai. Jururawat adalah kunci kepada komuniti yang lebih sihat, masyarakat yang responsif dan ekonomi yang berkembang maju.

Pihak Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk memperkuatkan lagi perkhidmatan kejururawatan di negara ini. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan dalam meningkatkan kualiti penjagaan pesakit menerusi penekanan International Patient Safety Goals (IPSG) sebagai Key Performance Indicator (KPI) dalam penilaian

penjagaan kejururawatan. Ini adalah kesinambungan daripada inisiatif yang telah diungkapkan pada tahun sebelumnya iaitu penyediaan sistem pemantauan klinikal jururawat yang lebih komprehensif dengan menekankan Patient Safety di setiap pelaksanaan penjagaan dan perawatan kepada pesakit selaras dengan dasar-dasar yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan. Seluruh warga kejururawatan telah pun dilibatkan sama dalam pembinaan dasar IPSG supaya ia dapat mendukung matlamat tersebut dan seterusnya diserapkan kepada semua lapisan jururawat dan bidan di negara ini.

Kerana itu jugalah, Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa adalah masa yang sesuai untuk kita membuat perubahan dan membentuk semula persepsi orang ramai mengenai sumbangan jururawat dan bidan dalam penjagaan kesihatan ke arah kejayaan ekonomi dan masyarakat secara keseluruhan. Apa yang penting kepada semua jururawat dan bidan di negara ini untuk sentiasa bersabar, memberikan layanan yang sempurna dan mengekalkan dedikasi yang tinggi dalam menjalankan tugas sehari-hari.

Sebagai sebuah masyarakat yang begitu prihatin, kita juga seharusnya tidak lupa untuk mencurahkan perasaan terima kasih kita kepada setiap jururawat dan bidan di negara ini yang telah banyak berjasa meluangkan masa dan tenaga, demi merawat pesakit-pesakit di negara ini dan seterusnya sama-sama meneruskan memberikan sokongan kepada para jururawat dan bidan, dan terus mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala membala budi baik serta sentiasa melimpahkan rahmat-Nya kepada para profesional jururawat dan bidan di NBD.





## 15 MAUT, LEBIH 20 CEDERA BAS TERHUMBAN KE CENURAM DI SRI LANKA

COLOMBO, 11 Mei. - Seramai 15 orang maut manakala lebih 20

cedera selepas sebuah bas terhumban ke cenuram di Kotmale,

Wilayah Tengah Sri Lanka pada pagi Ahad, lapor Xinhua.

Kesemua mangsa yang cedera telah diantar ke hospital wilayah

berdekatan.

Polis telah memulakan siasatan untuk menentukan punca kemalangan itu. - ©BERNAMA

## Sekurang-kurangnya 62 maut, 50 hilang akibat banjir di timur DR Congo

ISTANBUL, 11 Mei. - Sekurang-kurangnya 62 orang disahkan maut manakala 50 lagi dilaporkan hilang selepas banjir besar melanda beberapa kampung di sepanjang Tasik Tanganyika di wilayah Kivu Selatan, timur Republik Demokratik Congo (DR Congo), menurut pegawai pada Sabtu, lapor Anadol Ajansi (AA).

Kejadian pada Jumaat berlaku

kira-kira 5 pagi waktu tempatan apabila banjir menenggelamkan kampung Kasaba di sektor Ngandja, menurut saksi.

Hujan lebat mencetuskan banjir, menghanyutkan rumah serta memutuskan hubungan komunikasi.

Menyatakan kesihatan Wilayah Kivu Selatan, Theophile Walulika Muzaliwa memberitahu Arab News melalui telefon bahawa usaha

mencari dan menyelamat berdepan kesukaran.

"Satu-satunya organisasi kemanusiaan yang ada pada masa ini ialah Palang Merah. Penilaian jumlah korban belum dapat dibuat kerana pencarian masih dijalankan," kata Muzaliwa.

Banjir itu berlaku beberapa minggu selepas kejadian hujan lebat serupa meragut 33 nyawa di ibu negara, Kinshasa. - ©BERNAMA

## Awan toksik di Sepanyol : Perintah berkurung bagi 150,000 penduduk ditamatkan

MADRID, 11 Mei. - Kira-kira 150,000 penduduk di bandar Vilanova i la Geltru dan empat komuniti berhampiran di barat daya Barcelona diarah berkurung selama beberapa jam selepas kebakaran di sebuah gudang industri menyebabkan pelepasan awan toksik klorin di kawasan itu pada Sabtu.

Penduduk diarahkan kekal di dalam rumah serta menutup tingkap dan pintu sejak awal pagi Sabtu sebagai langkah berjaga-jaga ketika pasukan bomba berusaha memadamkan kebakaran di loji berkenaan, yang mengandungi sehingga 70 tan tablet pembersih kolam renang,

menurut unit perlindungan awam tempatan, lapor agensi berita Jerman dpa.

Menurut akhbar El Pais, tablet itu bertindak balas dengan air yang digunakan untuk memadamkan api, lalu menghasilkan awan toksik.

Perintah berkurung ditamatkan kira-kira 12.15 tengah hari (1015 GMT), namun pihak berkuasa tidak menolak kemungkinan sekatan baru dikenakan, sementara mereka terus memantau keadaan. Penduduk turut dinasihatkan agar kekal berwaspada, terutama golongan berisiko tinggi seperti warga emas dan individu yang

menghidap penyakit.

Kebakaran itu dilaporkan berjaya dikawal kira-kira 7 malam.

Setakat 7.45 malam, Sistem Kecemasan Perubatan (SEM) merawat tujuh individu, termasuk dua dalam keadaan serius dan seorang dalam keadaan kritis.

Puncak kebakaran masih belum diketahui.

Gas toksik atau perengsa yang dilepaskan ke udara itu boleh bertindak balas dengan air yang terkandung dalam membran mukus di mata, hidung, tekak dan paru-paru lalu membentuk asid hidroklorik dan boleh membakar tisu sensitif. - ©BERNAMA

## PM Pakistan adakan mesyuarat NCA berikutan ketegangan dengan India

NEW DELHI, 10 Mei. - Perdana Menteri Pakistan, Shehbaz Sharif mengadakan mesyuarat National Command Authority (NCA) pada Sabtu susulan operasi ketenteraan negara itu terhadap India.

Menurut laporan media tempatan, mesyuarat itu akan menumpukan kepada kesiapsiagaan pertahanan negara dan keupayaan pencegahan strategik, selain menilai perkembangan keselamatan serantau yang kian meruncing.

Ketegangan antara India dan Pakistan mencapai tahap membimbangkan selepas

Pakistan melancarkan Operasi Bunyan-un-Marsoos sebagai tindak balas terhadap serangan udara India ke atas beberapa pangkalan udara utama Pakistan, termasuk Pangkalan Udara Nur Khan di Rawalpindi yang terletak berhampiran ibu pejabat tentera di Islamabad.

NCA bertanggungjawab memantau program senjata nuklear dan keselamatan negara Pakistan.

Konflik yang sedang berlangsung ini disifatkan sebagai eskalasi ketenteraan terbesar antara kedua-dua negara dalam beberapa dekad.

Di tengah-tengah gesaan

antarabangsa agar ketegangan ditamatkan, Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS), Marco Rubio telah menghubungi Ketua Tentera Pakistan, Jeneral Asim Munir.

"Setiausaha Negara Marco Rubio bercakap dengan Ketua Tentera Pakistan, Asim Munir, pada Jumaat. Beliau menggesa kedua-dua pihak mencari jalan penyelesaian untuk meredakan ketegangan dan menawarkan bantuan AS bagi memulakan rundingan konstruktif untuk mengelakkan konflik berulang," kata jurucakap Jabatan Negara, Tammy Bruce, dalam satu kenyataan. - ©BERNAMA

## Trump mahu Amerika capai perjanjian besar sebelum perbincangan dengan China

WASHINGTON, 10 Mei. - Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump pada Jumaat berkata AS perlu mencapai perjanjian besar untuk Amerika apabila Setiausaha Perbendaharaannya bersiap untuk bertemu dengan pegawai China di Switzerland, lapor Anadol Ajansi (AA).

Bercakap kepada wartawan di Pejabat Oval, Trump berkata, "Kita perlu membuat perjanjian besar untuk Amerika," apabila ditanya mengenai perbincangan yang akan diadakan oleh Setiausaha Perbendaharaan, Scott Bessent dengan rakan sejawatnya dari China.

Apabila ditanya adakah beliau akan kecewa sekiranya Bessent pulang tanpa sebarang perjanjian,

Trump menjawab, "Tidak, sama sekali tidak. Kami telah membuat banyak tawaran."

Beliau menambah bahawa AS pada masa ini tidak menjalankan perniagaan dengan China, mendakwa negara itu mengalami kerugian perdagangan sebanyak AS\$1 trilion tahun lalu.

"Jika anda tidak berurus niaga dengan mereka, anda tidak akan kehilangan AS\$1 trilion," katanya.

Perundingan yang dijadualkan pada Sabtu itu adalah sebahagian daripada usaha untuk meredakan ketegangan selepas Washington mengenakan tarif sehingga 145 peratus ke atas barang import China awal tahun ini.

Sebagai balasan, Beijing mengenakan tarif balas setinggi 125 peratus.

Apabila ditanya mengenai kenyataan jurucakap Rumah Putih Karoline Leavitt yang baru-baru ini mengatakan bahawa tarif asas 10 peratus ke atas kebanyakan negara akan terus dikenakan, Trump mengesahkan dasar tersebut.

"Anda akan sentiasa mempunyai garis dasar."

Mungkin ada pengecualian pada satu ketika...jika seseorang melakukan sesuatu yang luar biasa untuk kami. Tetapi pada asasnya, anda mempunyai garis dasar sekurang-kurangnya 10 peratus, dan sebahagian daripadanya akan jauh lebih tinggi - 40, 50, 60 peratus - seperti yang mereka lakukan kepada kami selama bertahun-tahun," katanya. - ©BERNAMA

## Pilihan raya umum Albania bermula, lebih 3.7 juta pengundi berdaftar

TIRANA (Albania), 11 Mei. - Lebih 3.7 juta pengundi berdaftar di Albania mula keluar mengundi pada Ahad (11 Mei) dalam pilihan raya umum ke-11 negara itu sejak kejatuhan rejim komunis pada 1991, lapor Anadol Ajansi (AA).

Seramai kira-kira 3.71 juta pengundi layak memilih Ahli Parlimen bagi 140 kerusi Parlimen, melibatkan penyertaan 53 parti politik dan tiga gabungan prapilihan raya.

Proses pengundian berlangsung dari 7 pagi hingga 7 malam waktu tempatan di 5,225 pusat mengundi.

Buat pertama kali, hampir 246,000 rakyat Albania yang berdaftar di luar negara turut dibenarkan mengundi sama ada melalui e-mel atau pos, dengan proses itu turut ditutup pada 7 malam waktu tempatan Ahad.

Mengikut undang-undang pilihan raya Albania, sebuah parti perlu memperoleh sekurang-kurangnya satu peratus undi nasional untuk memasuki Parlimen.

Dalam tinjauan pendapat, Parti Sosialis pimpinan Perdana Menteri Edi Rama mendahului, manakala parti pembangkang utama, Parti Demokrat yang diketuai bekas Perdana Menteri Sali Berisha turut dilihat sebagai pencabar utama.

Blok Berisha, iaitu Perikatan Albania Raya, merangkumi 25 parti sekutu.

Pertubuhan Keselamatan dan Kerjasama di Eropah (OSCE) akan menghantar kira-kira 100 pemerhati bagi memantau pilihan raya itu. - ©BERNAMA

## 1.83 juta pelancong antarabangsa berkunjung ke Kemboja pada suku pertama

PHNOM PENH, 10 Mei. - Kemboja menerima kunjungan sebanyak 1.83 juta pelancong antarabangsa pada suku pertama tahun 2025, meningkat berbanding 1.58 juta pada tempoh yang sama tahun lalu, menurut laporan Kementerian Pelancongan yang dikeluarkan pada hari Jumaat.

Menurut laporan tersebut, Thailand masih mendahului senarai kedatangan pelancong asing ke negara Asia Tenggara itu dalam tempoh Januari hingga Mac tahun ini, diikuti oleh Viet Nam dan China.

Sebanyak 501,666 rakyat Thailand mengunjungi Kemboja, meningkat 19.5 peratus, manakala 304,634 pelancong dari Viet Nam dan 286,156 dari China melawat negara itu, masing-masing mencatatkan kenaikan 1.8 peratus dan 50.6 peratus.

Laporan itu juga menyatakan bahawa 42.9 peratus daripada jumlah pelancong antarabangsa tiba di Kemboja melalui udara, 55.3 peratus melalui darat, dan 1.8 peratus melalui laluan air.

Pelancongan merupakan salah satu daripada empat tonggak utama yang menyokong ekonomi Kemboja, selain eksport pakaian, kasut dan barang perjalanan, pertanian, serta sektor pembinaan dan harta tanah. - ©XINHUA

## Parti Kuasa Rakyat (PPP) Korea Selatan mulakan proses ganti calon presiden

SEOUL, 10 Mei. - Parti konservatif Korea Selatan, Parti Kuasa Rakyat (PPP), memulakan proses yang belum pernah berlaku sebelum ini untuk menggantikan calon presidennya susulan kegagalan rundingan bagi menyatukan pencalonan antara Kim Moon Soo dan bekas Perdana Menteri Kim Moon Soo.

Langkah itu diambil berikutan kebimbangan bahawa kegagalan menyatukan barisan konservatif boleh menjelaskan peluang parti itu dalam pilihan raya presiden pada 3 Jun, lapor agensi berita Yonhap.

Sebaik sahaja keputusan dimuktamadkan, semua ahli PPP perlu mengundi hasil keputusan tersebut.

Calon akhir dijangka diumumkan pada mesyuarat jawatankuasa kecemasan dan pengurusan pilihan raya untuk membincangkan keputusan utama, termasuk kemungkinan pembatalan pencalonan Kim, keanggotaan Han dalam parti, dan perkara berkaitan lain.

Pada Sabtu, parti itu mengadakan mesyuarat jawatankuasa kecemasan dan pengurusan pilihan raya untuk membincangkan keputusan utama, termasuk kemungkinan pembatalan pencalonan Kim, keanggotaan Han dalam parti, dan perkara berkaitan lain.

Lee Jae Myung, calon Parti Demokrat (DP), terus mendahului dalam beberapa tinjauan pendapat terkini. - ©BERNAMA

# BRUNEI DPMM FC MENANG KE ATAS BALESTIER KHALSA FC



ANTARA aksi pada perlawanan Liga Perdana Singapura (Singapore Premier League - SPL) yang berlangsung di Jalan Besar Stadium, Republik Singapura.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Azmah Haji Ahad, Tangkap Layar YouTube Singapore Premier League

**REPUBLIK SINGAPURA**, Ahad, 11 Mei. - Misi untuk memburu tiga mata penuh tercapai kali ini apabila kemenangan berpihak kepada Brunei DPMM FC setelah berjaya menumpaskan Balestier Khalsa FC dengan berkesudahan 4 - 3 pada perlawanan Liga Perdana Singapura (Singapore Premier League - SPL) lewat petang tadi.

Perlawanan yang berlangsung di Jalan Besar Stadium, di sini, menyaksikan Brunei DPMM FC membuka gol pertama mereka menerusi hantaran Davis Ikaunieks yang berjaya membolos

gawang pihak lawan pada minit ke-31.

Namun pada minit ke-34, Kodai Tanaka dari Balestier Khalsa FC pula berjaya menyamakan kedudukan 1 - 1.

Kedua-dua pasukan terus menggasak kubu pertahanan lawan masing-masing, dan akhirnya jaringan kedua bagi Balestier Khalsa FC terhasil daripada Madhu Mohana pada minit ke-42.

Permainan mula didominasikan oleh Balestier Khalsa FC apabila Anton Fase pada minit ke-45 berjaya menambah gol bagi

pasukannya.

Pada babak kedua perlawanan pula menyaksikan Davis Ikaunieks sekali lagi menyumbat gol keduanya pada minit ke-64 dan selang beberapa minit kemudian, Azwan Ali Rahman dari Brunei DPMM FC pula berjaya menambah jaringan pada minit ke-68, sekali gus menyamakan kedudukan terikat 3 - 3.

Walau bagaimanapun, Davis Ikaunieks pada minit ke-81 sekali lagi berjaya menambah jaringan 4 - 3 sehingga menjadikan gol keempat buat Brunei DPMM FC.

Perlawanan seterusnya, Brunei DPMM FC akan bertemu Tampines Rovers pada 17 Mei 2025 di Stadium Negara Hassanil Bolkiah, Berakas.

## Pencarian bakat muda dalam sukan badminton

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Belia dan Sukan

**TEMBURONG**, Ahad, 11 Mei. - Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Cawangan Temburong dengan kerjasama Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (PBKBD) hari ini mengadakan Program Pencarian Bakat Sukan Badminton, bertempat di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, di sini.

Seramai 22 peserta menyertai

program berkenaan yang berumur di antara 11 hingga 21 tahun.

Antara pengisian program ialah sesi latihan badminton dengan mempelajari dan mempraktikkan teknik permainan badminton yang betul dan berkesan yang dibimbing oleh Awang Saiful Rizal bin Othman dari JBS, Cawangan Temburong dan Jurulatih daripada PBKBD.

Adapun objektif utama program

berkenaan diadakan adalah bagi mencari bakat-bakat muda dan berpotensi bagi sukan badminton dalam kalangan penduduk Daerah Temburong untuk dibimbing, didedahkan dan diketengahkan bagi menyertai kejohanan badminton di peringkat kebangsaan, serantau dan juga antarabangsa.

Program berkenaan diakhiri dengan penyampaian sijil kepada para peserta program.



SEKITAR Program Pencarian Bakat Sukan Badminton yang berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar (kiri dan kanan).



## Pasukan 4x400m Lelaki China pecah rekod kebangsaan di World Athletics Relays 2025



PASUKAN China berjaya memecahkan rekod kebangsaan di World Athletics Relays 2025 di Guangzhou, Provinsi Guangdong, selatan China.

**GUANGZHOU**, China, 11 Mei. - Pasukan China mencipta rekod kebangsaan baharu dalam acara 4x400m lelaki dengan catatan masa 3 minit dan 1.87 saat di World Athletics Relays 2025 di sini pada hari Sabtu, dalam keadaan hujan.

Pertandingan ini merupakan kelayakan utama bagi acara berganti-ganti di Kejohanan Dunia Olahraga 2025 di Tokyo, menampilkan enam acara termasuk 4x100m dan 4x400m bagi lelaki, wanita, dan campuran.

Pasukan yang menduduki 14 teratas dalam setiap acara (kecuali 4x100m campuran) akan layak ke Tokyo 2025.

Mengikut peraturan, 14 pasukan teratas dalam acara 4x100m dan 4x400m lelaki, wanita, serta 4x400m campuran terdiri daripada lapan slot yang ditentukan pada hari Sabtu dan enam slot pada hari Ahad.

Dalam setiap acara, dua pasukan teratas dalam setiap empat heat layak ke pusingan akhir dan Tokyo 2025, manakala pasukan selebihnya akan bersaing untuk enam slot tambahan dalam pusingan kelayakan kedua pada hari Ahad.

Pasukan China bagi acara 4x400m lelaki, yang dianggotai oleh atlet baharu, Liang Baotang, Li Yiqing, Zhang Qinling, dan Fu Haoran, menduduki tempat kedua dalam Heat 1, memecahkan rekod kebangsaan, mara ke pusingan akhir, dan layak ke Tokyo 2025.

"Fikiran saya kosong semasa berlari, hanya ingin melakukan yang terbaik," kata Fu Haoran, pelari keempat yang berjaya mengejar dan mengatasi pelari Sepanyol untuk menduduki tempat kedua.

Acara 4x100m campuran merupakan acara baharu yang diperkenalkan untuk Sukan Olimpik Los Angeles 2028, tetapi tidak termasuk dalam Tokyo 2025.

Dalam penampilan sulung global acara ini, Pasukan Kanada mendahului kelayakan dengan masa 40.90 saat.

Kuartet China yang terdiri daripada Huang Shuping, Kong Lingyao, Chen Jinfeng, dan Chen Guanfeng layak ke pusingan akhir dengan catatan 41.30 saat.

"Ia menarik untuk menggabungkan atlet lelaki dan wanita dalam 4x100m. Kami sangat teruja dan gembira dengan pengenalan acara ini," kata Chen Guanfeng.

Veteran Xie Zhenye memimpin Pasukan China dalam acara 4x100m lelaki, dengan pasukan tersebut mencatat masa 38.30 saat untuk menduduki tempat ketiga dalam Heat 4, hanya 0.005 saat lebih perlahan daripada Pasukan Itali di tempat kedua.

Afrika Selatan dan Jepun mencatat masa terpanas dunia dengan 37.84 saat.

Drama berlaku dalam acara 4x100m wanita apabila pelari ketiga China, Liang Xiaojing, dan pelari keempat, Ge Manqi, melakukan kesilapan semasa menyerahkan baton, menyebabkan mereka menduduki tempat keenam dalam heat tersebut.

Sementara itu, Amerika Syarikat mencatat masa terpanas dunia dalam 4x400m campuran dengan 3 minit 11.37 saat.

Sepanyol pula mencipta rekod kebangsaan baharu dalam 4x100m wanita dengan masa 42.18 saat. - ©XINHUA

## Piala Asia 2025 : Malaysia tewaskan Jepun, ungguli Kumpulan 'B' acara kuadran

**KUALA LUMPUR**, 11 Mei. - Malaysia menamatkan saingan Kumpulan 'B' dalam acara kuadran di kedudukan teratas selepas menewaskan Jepun pada Kejohanan Sepak Takraw Piala Asia 2025 di Stadium Titiwangsa di sini hari ini.

Pada aksi terakhir peringkat kumpulan itu, Malaysia yang mempertaruhkan Amirul Zazwan Amir, Norfaizzul Abd. Razak, Muhammad Shahairi Aiman Halim dan Muhammad Fetri Mohd. Azwadi diberikan tentangan singit seawal permainan, sebelum bangkit mencuri mata kemenangan set pertama 17-15.

Umpan Amirul Zazwan yang disambut dengan rejam Muhammad Afifuddin pada mata akhir tidak mampu ditampung sempurna oleh pemain Jepun, sekali gus akur memberikan kemenangan mutlak 15-10 kepada Malaysia.

Kuadran negara yang dibimbing Mohammad Zulkarnain Abdul Rahamanan beraksi dalam saingan separuh akhir esok dan pasukan lawan hanya diketahui sejurus perlawanan peringkat Kumpulan 'A', membabitkan Korea Selatan dan Viet Nam berakhir malam ini.

"Ikutkan pada perlawanan berdepan China sebelum ini, sejurnya memang masih tidak puas hati dan kita mula dapat rentak berdepan Filipina sebelum kita bawa momentum itu hingga ke hari ini."

"Esok tidak kisah siapa pun lawan kita, kami tetap bersedia," kata Amirul Zazwan ketika ditemui pemberita. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## PSJD 1 JUARA KEJOHANAN BOLA SEPAK VETERAN



Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**TUTONG**, Ahad, 11 Mei. - Sukan bola sepak tidak hanya dipelopori generasi muda, sukan ini juga turut menarik perhatian warga veteran berusia 45 hingga 55 tahun ke atas untuk menyertai

Kejohanan Bolasepak 9 Orang Sepasukan Veteran VFA Kali Ke-4 2025 anjuran Persatuan Bolasepak Veteran (VFA) yang berlangsung petang tadi, di Padang Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan

penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Perlawanan akhir Kejohanan Bolasepak 9 Orang Sepasukan Veteran menyaksikan PSJD 1 berjaya menyaksikan PSJD 1 berjaya menewaskan Mumtaz Veteran FT dengan keputusan 1-0

**PEMANGKU** Pegawai Daerah Tutong semasa menyempurnakan penyampaian hadiah kepada PSJD 1 selaku Juara bagi Kejohanan Bolasepak 9 Orang Sepasukan Veteran VFA Kali Ke-4 2025.

(GV) dengan mata 1-0, dan sekali gus melayakkan PSJD 1 dan Mumtaz Veteran FT berentap di perlawanan akhir.

Tetamu kehormat juga turut menyempurnakan penyampaian hadiah kepada Penjaring Terbanyak yang diberikan kepada pemain PSJD 1, Awang Mohd. Khairul Azman bin Abdullah; Pemain Terbaik kepada Awang Shahrin bin Momin dari Mumtaz Veteran FT; dan Penjaga Gawang Terbaik diberikan kepada Awang Alizanda bin Sitom dari PSJD 1.

PSJD 1 selaku Juara bagi Kejohanan Bolasepak 9 Orang Sepasukan Veteran VFA Kali Ke-4 2025 berjaya membawa pulang wang tunai BND800 berserta Piala Rebutan dan Piala Iringan.

Sementara Naib Johan iaitu Mumtaz Veteran FT menerima BND500 berserta Piala Iringan dan tempat Ketiga Bersama jatuh kepada PSJD 2 dan GV yang masing-masing membawa pulang wang tunai BND250 berserta Piala Iringan.

menerusi jaringan daripada Awang Mohd. Khairul Azman bin Abdullah.

Terdahulu sebelum perlawanan akhir diadakan, dua perlawanan separuh akhir mengambil tempat yang menyaksikan kemenangan bagi PSJD 1 ketika menentang PSJD 2 yang berkesudahan 1-0.

Sementara, perlawanan separuh akhir kedua pula menyaksikan Mumtaz Veteran FT menewaskan Gemilang Veteran

sehingga gol kedua tercipta melalui Haziq Naqiuddin pada minit ke-36, setelah sepakannya gagal didakap kemas oleh penjaga gawang pasukan lawan.

Ketinggalan 2 - 0, Kasuka FC menggandakan usahanya untuk mencari ruang untuk menjaringkan gol namun benteng pertahanan kuat DPMM FC gagal dibolosi sehingga wisel separuh masa pertama dibunyikan.

Bersambung pada babak kedua perlawanan, serangan demi serangan terus dihadapi oleh kedua-dua pasukan, namun para pemain nekad untuk terus mempertahankan gawang masing-masing daripada dibolosi oleh pihak lawan.

Kasuka FC terus menggandakan usaha dan asakan untuk menghasilkan gol, tetapi percubaan demi percubaan terus menemui jalan buntu sehingga keputusan perlawanan kekal 2 - 0 hingga wisel penamat dibunyikan.

Sementara itu, pada perlawanan yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas, Indera SC menang ke atas MS ABDB dengan keputusan 4 - 2.

DPMM FC dan Indera SC akan bertemu di perlawanan akhir Piala FA Brunei 2025 yang akan berlangsung pada 18 Mei ini di SNHB.

## DPMM FC benam Kasuka FC 2-0



SEBAHAGIAN aksi perlawanan di antara DPMM FC menentang Kasuka FC dalam aksi timbal balik Separuh Akhir Piala FA Brunei 2025 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB) (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BERAKAS**, Ahad, 11 Mei. - DPMM FC mara ke perlawanan akhir Piala FA Brunei 2025 setelah menang selesa ke atas Kasuka FC dengan keputusan 2 - 0 pada aksi timbal balik separuh akhir

yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), malam tadi.

Gol bagi DPMM FC pada malam tersebut masing-masing dijaringkan oleh

Sergio Mendiguchia dan Haziq Naqiuddin.

Pada babak pertama perlawanan menyaksikan kedua-dua pasukan saling silih berganti mengatur rentak perlawanan, namun permainan lebih didominasi oleh DPMM FC dan seterusnya gawang Kasuka FC

digerakkan melalui sepakan Sergio Mendiguchia pada minit pertama perlawanan sekali gus mengejutkan dan menambah keruhan sorakan kira-kira ratusan penyokong yang hadir.

DPMM FC terus memberi tekanan kepada pasukan Kasuka FC dengan memberikan asakan

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

ELAKKAN MEMBUAT ANDAIAN TANPA SEGAN SILU